





**KUKUM**

*Menuju Kecemerlangan*  
**SEMPENA 3 TAHUN PENUBUHAN KUKUM**



**KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA**

[www.kukum.edu.my](http://www.kukum.edu.my)





  
KUKUM

WISUDA PIRASTARAN GAMES  
DAN  
MAJLIS KONSERTOSISWA  
KOLEJ UNIVERSITI MALAYA

KUKUM

# *Menuju Kecemerlangan*


**SEMPENA 3 TAHUN PENUBUHAN KUKUM**



# *Menuju Kecemerlangan* **SEMPENA 3 TAHUN PENUBUHAN KUKUM**

## **KANDUNGAN**

<b>Canselor</b>	<b>1</b>
<b>Menteri Pengajian Tinggi</b>	<b>3</b>
<b>Pengerusi LPU</b>	<b>5</b>
<b>Rektor</b>	<b>7</b>
<b>Latarbelakang</b>	<b>11</b>
<b>Matlamat, Falsafah, Nilai Teras, Misi &amp; Visi</b>	<b>13</b>
<b>Harta Intelekt</b>	<b>14</b>
<b>Pengurusan</b>	<b>19</b>
<b>Canselor Pertama</b>	<b>31</b>
<b>Penerima Ijazah Kehormat Pertama</b>	<b>35</b>
<b>Rektor Pertama</b>	<b>39</b>
<b>Program Pengajian</b>	<b>42</b>
<b>Enrolmen Pelajar</b>	<b>44</b>
<b>Enrolmen Staf</b>	<b>47</b>
<b>Lokasi</b>	<b>50</b>
<b>Fasiliti Pelajar</b>	<b>53</b>
<b>Kegiatan Pelajar</b>	<b>59</b>
<b>Kejayaan &amp; Penghargaan</b>	<b>63</b>
<b>MoU dan R &amp; D</b>	<b>68</b>
<b>Menyelusuri 3 Tahun KUKUM</b>	<b>71</b>
<b>Diari</b>	<b>92</b>
<b>Keratan Akhbar</b>	<b>108</b>
<b>Nostalgia</b>	<b>113</b>







*“Sebagai Canselor , Beta berharap agar KUKUM dapat memperkukuh kedudukannya di persada negara dan dunia.  
Beta juga mendoakan agar misi dan visi KUKUM dapat di capai melalui sokongan padu seluruh warganya.”*

# **CANSELOR**

**DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA  
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL  
D.K., S.P.M.P.  
PEMANGKU RAJA PERLIS**







*“ Pendidikan adalah penggerak utama Dasar Pembangunan Nasional  
dalam mencapai Wawasan 2020.*

*Ke arah itu, bilangan IPTA terus dipertingkatkan dan KUKUM  
merupakan salah sebuah IPTA yang ditubuhkan bagi menyahut seruan  
itu.”*

## **MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

**YANG BERTHORMAT DATO' DR. HJ. SHAFIE HJ. MOHD SALLEH**





*“ KUKUM berazam untuk menyediakan prasarana pendidikan yang bertaraf dunia, yang akan menjadi pusat kecemerlangan ilmu sejagat.”*

**PENGERUSI  
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**

**YANG BERBAHAGIA DATO' RAMLI ABBAS**



*“Kita dikelilingi pelbagai kekangan dan rintangan, namun perjuangan masih perlu diharungi. Lalu, kita ambil apa yang dihulurkan kepada kita dan memikirkan cara yang terbaik untuk memanfaatkan kesemuanya itu dengan sepenuhnya. Itulah dia semangat juang kita. Walau diberikan lalang juapun, kita anyam lalang itu untuk dijadikan rumah, yang di dalamnya kita semai kasih dan harapan. Insyallah, dengan berpandukan Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan, maka segala apa yang kita hasratkan akan diperolehi suatu hari nanti.”*

# **REKTOR**

**YANG BERBAHAGIA LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN**

*Sekiranya kita hendak merancang untuk setahun,  
Tanamlah sepokon pokok*

*Sekiranya kita hendak merancang untuk 10 tahun,  
Semailah biji benih*

*Sekiranya kita hendak merancang untuk 100 tahun  
Berilah pendidikan kepada rakyat jelata,*

*Bersama Membangun Sebuah  
Universiti...*

# LATARBELAKANG

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) ditubuhkan sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada 25 Julai, 2001. Ia bertujuan melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi dan menyokong Pelan Induk Perindustrian Negara. Hasrat untuk memastikan terdapatnya jurutera yang mahir dan berpengetahuan tinggi dari aspek teori dan juga praktikal telah mendorong Kerajaan menubuhkan kolej universiti teknikal (KUT) dan KUKUM merupakan KUT yang termuda.

Pembelajaran dilaksanakan secara 'lab-intensive' bagi menghasilkan jurutera yang berkebolehan merekabentuk, membina, menguji dan menyelenggara peralatan serta sistem. Dengan lain perkataan, jurutera kelahiran KUKUM mampu mengaplikasikan sebarang konsep teori. Kurikulum yang disediakan telah direkabentuk agar ia setara dengan mana-mana program kejuruteraan yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia, iaitu yang mengambil kira keperluan yang digariskan dalam 'Washington Accord'.

Kampus KUKUM merupakan kampus yang bersifat bertaburan (distributed). Buat masa ini, tapak-tapaknya terletak di Kubang Gajah, Jejawi, Kuala Perlis dan di beberapa lokasi di bandar Kangar.



Kompleks Pusat Pengajian KUKUM yang terletak di Jejawi, Arau, Perlis yang menempatkan enam pusat pengajian kejuruteraan.





**KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA**

**KOMPLEKS PUSAT PENGAJIAN**

# MATLAMAT, FALSAFAH, NILAI TERAS, MISI & VISI

## MATLAMAT & FALSAFAH

Program Sarjana Muda Kejuruteraan di KUKUM mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berketerampilan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Program kejuruteraan yang dijalankan di Universiti ini menitik beratkan kepada pendekatan 'lab-intensive', iaitu dengan memberi lebih penekanan kepada aspek amali. Kursus-kursus yang ditawarkan juga menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti program akademik, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran berkomunikasi, keusahawanan, pengurusan, perakaunan, ko-kurikulum dan pembangunan sahsiah. Pelajar juga diwajibkan mengikuti kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang kejuruteraan yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari serta mempunyai sikap yang mulia dan terpuji.

## NILAI TERAS

ILMU · KEIKHLASAN · KECEMERLANGAN

## MISI

Merealisasikan aspirasi negara dan menyumbang kepada ketamadunan dunia.

## VISI

Menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang bertaraf dunia bagi menjana pemimpin terbilang negara.



# HARTA INTELEK

## LAGU

### WAWASANKU

KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN  
UTARA MALAYSIA

ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN  
WAWASAN JIWA KITA

BERDIKARI, ROHANIAH

BERTEKNOLOGI

PEMIMPIN BERBESTARI

UNTUK BANGSA, INSAN DAN UMAT DUNIA  
NEGARA YANG TERCINTA

KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN  
UTARA MALAYSIA

ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN  
WAWASAN JIWA KITA

#### Penjelasan

Lagu WAWASANKU adalah lagu korporat KUKUM yang digubah dengan mengambil kira identiti, wawasan dan budaya yang diamalkan di Universiti ini. Perkataan "KU" adalah singkatan kepada diri sendiri dan juga Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia.

Mesej yang terkandung dalam lagu ini ialah misi, visi dan harapan KUKUM untuk berperanan dalam membina dan membangunkan bangsa, insan, negara yang tercinta dan umat dunia melalui semangat berdikari, kerohanian dan teknologi. Peranan dan harapan ini digarap melalui pencarian dan pengembangan ilmu yang dilakukan dengan ikhlas demi mencapai kecemerlangan di dalam diri dan pemimpin bestari yang dilahirkan.

Dm C Bm<sup>7</sup> E Am  
 Am A Am E Dm/E  
 Am Dm C Bm<sup>7</sup>  
 E Am/E E B Am E  
 Dm/E Am Dm C  
 E Am C Am  
 E Dm/E Am Dm  
 C E E Am Am/G

ko-lej u-ni ver si - ti ke - ju - ru - te - ra - an U - ta - ra Ma - lay - si  
 il - mu - ke - ikh - la - san ke - ce - mer - lang - an wa - wa - san ji - wa - ki  
 ta Ber - di - ka - ri ro - ha - ni - ah ber - tek - no - lo - gi  
 pe - min - pin ber - bis - ta - ri un - tuk bang - sa in - san dan u - mat du - ni - a ne - ga  
 ra yang ter - cin - ta Ko - lej U - ni - ver - si - ti Ke  
 ju - ru - te - ra - an U - ta - ra - Ma - lay - si - ... il - mu ke - ikh - la - san - ke  
 ce - mer - lang - an wa - wa - san ji - wa ki - ta

Am F#m E A Am

Penasihat : Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin  
 Penerbit Eksekutif : Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd Zain  
 Penerbit : Fauzi Marzuki  
 Lagu : Fauzi Marzuki  
 Lirik : Prof. Madya Dr. Ismail Abdullah

Hakcipta : Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia

# LOGO

Warna BIRU, PERAK dan KUNING adalah warna rasmi KUKUM.

## BIRU

Bermaksud alam, harmoni, disiplin dan bidang kejuruteraan.

## PERAK

Mencerminkan teknologi tinggi, keperkasaan dan keikhlasan.

## KUNING

Melambangkan kecemerlangan, kedaulatan, kejayaan dan hayat kehidupan.

Bentuk separa-oval dikaitkan dengan elemen unsur sains dan teknologi, atom, orbit dan globalisasi.

Empat belas bulatan kuning kecil di dalam segitiga melambangkan 14 buah negeri di Malaysia. Titik-titik berpadu ke pelbagai arah, khususnya ke utara, dalam posisi menyahut wawasan, mendepani pelbagai situasi dan cabaran.

Tiga lapisan perak yang bertanda arah mewakili nilai teras KUKUM iaitu ILMU, KEIKHLASAN dan KECEMERLANGAN. Lapisan itu juga memaparkan aspek keseimbangan antara alam dengan kejuruteraan, kedinamikan dan ketenagaan.

## LOGOTAIP

Lima segitiga warna perak yang terletak di penjurukan bahagian atas pada huruf KUKUM yang berwarna biru melambangkan nilai-nilai Rukun Islam dan Rukun Negara yang didokong oleh Universiti ini.

Penggunaan logo KUKUM mestilah bersama Logotaip sebagai pelengkap logo rasmi KUKUM.



**KUKUM**



**KUKUM**

# BENDERA



## JUSTIFIKASI BENDERA

Rekabentuk bendera diadaptasikan dari logo KUKUM. Kesinambungan ini mengekalkan nilai teras KUKUM iaitu ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN pada tiga lapisan warna kuning yang berlatarbelakangkan warna biru KUKUM membawa maksud alam, harmoni, disiplin dan bidang kejuruteraan.

Kombinasi warna kuning dan biru melambangkan warna rasmi bagi negeri Perlis yang merupakan lokasi kampus KUKUM.



# COKMAR Konsep dan Rekabentuk



*Cokmar direkabentuk dengan mengambilkira konsep 'pohon kehidupan'. Terdapat empat bahagian pada cokmar, iaitu akar, batang, daun dan bunga.*

## AKAR

Batil atau bahagian bawah cokmar adalah tapak atau akar, yang menggambarkan hasrat KUKUM untuk terus menyuburkan ilmu dan pengetahuan berdasarkan kejuruteraan. Akar sebagai nadi kehidupan pokok menyerap air dan khasiat semulajadi sebagaimana ilmu dan pegangan agama menjadi nadi perkembangan manusia sejagat.

Ukiran Bunga Padi yang mengembang ke atas menunjukkan bahawa ilmu dan pendidikan mestilah disemai dari awal untuk melahirkan generasi yang berwawasan dan berkembang maju mengikut acuan yang dikehendaki.


## BATANG

Batang melambangkan keteguhan. Ia diperbuat daripada perak dan saduran emas serta bermotifkan Bunga Kenanga dan awan larat. Corak ini

menggambarkan bahawa proses menuntut ilmu itu tiada batasan dan penghujungnya. Lima logo KUKUM pada batang menggambarkan lima Rukun Islam dan lima Rukun Negara yang perlu dipatuhi. Tujuh segmen (lilitan) pula melambangkan kebesaran Tuhan.

## DAUN

Pada bahagian bawah, terdapat tiga biji permata berwarna asas iaitu merah, hijau dan biru. Ini melambangkan komponen asas dalam menjana kuasa kehidupan melalui khasiat semulajadi alam sekitar. Ia juga menggambarkan perkembangan fizikal dan spiritual komuniti kampus.



Sepotong ayat suci Al-Quran yang di petik dari surah Al-Mujaadilah terukir pada bahagian ini . Ayat ini membawa maksud :

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah sebolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu, dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat, dan (ingatlah) Allah maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.”

Di bawah ayat tersebut terdapat ukiran nilai teras KUKUM iaitu ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN

## BUNGA

Pada bahagian atas Bunga Kenanga terdapat mahkota kebesaran DiRaja bagi melambangkan negeri Perlis sebagai sebuah negeri beraja .Kelopak Bunga Kenanga yang mengembang ke atas diperbuat daripada perak. Lapisan kelopak melambangkan pelbagai jurusan dan kemeriahan graduan yang akan dihasilkan oleh KUKUM nanti. Aroma harum dari Bunga Kenanga adalah ibarat ilmu yang dimanfaatkan semua. Enam kelopak bunga melambangkan Rukun Iman. Ia disokong oleh tiga kelopak bahagian bawah yang diukir dengan perak, bermotifkan Bunga Pulut, Bunga Raya dan Bunga Kertas.

Bunga Pulut adalah corak kesenian Melayu yang bercirikan alam. Ia merupakan hasrat Universiti untuk menyinarkan cahaya ilmu di rantau ini. Motif Bunga Pulut ini tidak berkesudahan, melambangkan hakikat bahawa menuntut ilmu itu tiada penghujungnya.

# PENGURUSAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI PERTAMA



DUDUK DARI KIRI :

Y.BHG. DATO' DR. NORRAESAH MOHAMMAD, Y.BHG. DATO' RAMLI ABBAS (PENERUSI),  
Y.BHG. LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN

BERDIRI DARI KIRI :

Y. BERUSAHA DR. MOHD. TAIB HASHIM, Y.B. DATO' MOHIYADDIN@ MOHYIDIN CHE' JAN,  
Y. BHG. TAN SRI DR. SYED JALALUDIN SYED SALIM,  
Y. BHG. DATO' HJ. SANAD HJ. SAID, Y. BERUSAHA EN. KU HALIM KU ARIFFIN (SETIAUSAHA)



# LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**YANG BERBAHAGIA  
DATO' RAMLI ABBAS**

PENGERUSI


(Dilantik 15 Disember 2002)



**YANG BERUSAHA  
EN. RAMLY MUSTAFHA**

AHLI

(Dilantik 15 Ogos 2003)



**YANG BERBAHAGIA  
TAN SRI DR. SYED JALALUDIN SYED SALIM**

AHLI

(Dilantik 15 Januari 2002)



**YANG BERHORMAT  
DATO' MOHIYADDIN@ MOHYIDIN  
CHE' JAN**

AHLI

(Dilantik 15 Januari 2003 - 29 Mac 2004)



**YANG BERBAHAGIA  
LT. KOL. PROF. DATO'  
DR. KAMARUDIN HUSSIN**

AHLI


(Dilantik 16 Februari 2003)



**YANG BERHORMAT  
DATO' HJ. ABU HASSAN HJ. SALLEH**

AHLI

( Dilantik 1 Jun 2004 - 4 Mei 2005 )



**YANG BERBAHAGIA  
DATO' PROF. DR. HASSAN SAID**

AHLI

(Dilantik 1 September 2003)



**YANG BERBAHAGIA  
DATO' HJ. AHMAD SALIMI HJ. ISMAIL**

AHLI

(Dilantik 1 September 2003)



**YANG BERBAHAGIA  
DATO' HJ. SANAD HJ. SAID**

AHLI

(Dilantik 15 Januari 2003)



**YANG BERUSAHA  
EN. KU HALIM KU ARIFFIN**

SETIAUSAHA

(Dilantik 12 April 2003-1 April 2004)



**YANG BERBAHAGIA  
DATO' DR. NORRAESAH HJ. MOHAMMAD**

AHLI

(Dilantik 15 Januari 2003)



**YANG BERUSAHA  
TN. HJ. RUSLI ABDUL HAMID**

SETIAUSAHA

(Dilantik 15 Disember 2002)

# PENGURUSAN TERTINGGI



LT. KOL. PROF. DATO'  
DR. KAMARUDIN HUSSIN

Rektor



TN. HJ. RUSLI ABDUL HAMID

Pendaftar  
(Berkuatkuasa 1 Julai 2004)



PROF. DR. ALI YEON MD.  
SHAKAFF

Timbalan Rektor (Akademik &  
Pengantarabangsaan)



TN. HAJI AYOB ISMAIL

Bendahari



EN. KU HALIM KU ARIFFIN

Pendaftar  
(Sehingga 1 April 2004)



PN. HAJAH FOYZIAH AHMAD  
NASURUDDIN

Ketua Pustakawan

# SENAT



LT. KOL. PROF. DATO'  
DR. KAMARUDIN HUSSIN



TN. HAJI AYOB ISMAIL



PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF



PN. HAJAH FOYZIAH AHMAD  
NASURUDDIN



EN. KU HALIM KU ARIFFIN

(Sehingga 1 April 2004 &  
dilantik semula 1 Mac 2005)



PROF. MADYA  
DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL



TN. HJ. RUSLI ABDUL HAMID

(Dilantik 1 Julai 2004)



PROF. MADYA  
DR. ZURAIDAH MOHD ZAIN

# SENAT



PROF. MADYA DR. ISMAIL DAUT



EN. AZMAN MUHD. YUSOF  
@ KAMARUDIN

(Sehingga 28 Februari 2005)



PROF. MADYA  
DR. SHAMSUL BAHARIN JAMALUDIN



PROF. MADYA ZALIMAN SAULI

(Dilantik 1 Mac 2004)



EN. JAMALI MD. SAH



PROF. MADYA  
DR. MOHD RIZON MOHAMED JUHARI



EN. ZOL BAHRI RAZALI  
(Sehingga 28 Februari 2005)



PROF. MADYA DR. UDA HASHIM

# SENAT



EN. SHAMSHUL BAHAR YAAKOB



PROF. MADYA  
DR. LEHA @ ZALEHA MUHAMAT

(Sehingga 29 Februari 2004  
& dilantik semula 1 Mac 2005 )



EN ABDUL RAHMAN MOHD SAAD



PROF. DR. MOHD NOOR AHMAD

(Dilantik 25 Ogos 2004)



EN. YUFRIDIN WAHAB

(Sehingga 28 Februari 2005)



PROF. MADYA  
ABDUL HALIM ABDUL

(Dilantik 25 Ogos 2005)



DRS. MOHAMAD SAID BONO



PROF. DR. SAZALI YAACOB

(Dilantik 1 Mac 2005)

# SENAT



PROF. MADYA  
DR. R. BADLISHAH AHMAD

(Dilantik 1 Mac 2005)



PROF. MADYA  
DR. ABDUL HAMID ADOM

(Dilantik 1 Mac 2005)

# PEGAWAI UNIVERSITI (2002)

1. LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
REKTOR
2. PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF  
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK)
3. KU HALIM KU ARIFFIN  
PENDAFTAR
4. HJ. AYOB ISMAIL  
BENDAHARI
5. HJH. FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN  
KETUA PUSTAKAWAN
6. PROF. MADYA DR. ZURAIDAH MOHD. ZAIN  
DEKAN PUSAT KEMAHIRAN KOMUNIKASI &  
KEUSAHAWANAN
7. PROF. MADYA DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
MIKROELEKTRONIK
8. PROF. MADYA DR. ISMAIL DAUT  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
KOMPUTER & PERHUBUNGAN

# PEGAWAI UNIVERSITI (2003)

1. LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
REKTOR
2. PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF  
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK)
3. KU HALIM KU ARIFFIN  
PENDAFTAR
4. HJ. AYOB ISMAIL  
BENDAHARI
5. HJH. FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN  
KETUA PUSTAKAWAN
6. PROF. MADYA DR. ZURAIDAH MOHD. ZAIN  
DEKAN PENGURUSAN AKADEMIK
7. PROF. MADYA DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
MIKROELEKTRONIK
8. PROF. MADYA DR. ISMAIL DAUT  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
SISTEM ELEKTRIK
9. PROF. MADYA DR. SHAMSUL BAHARIN JAMALUDIN  
PEMANGKU DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
BAHAN
10. JAMALI MD. SAH  
PEMANGKU DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
PEMBUATAN
11. ZOL BAHRI RAZALI  
PEMANGKU DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
MEKATRONIK
12. AZMAN MUHD. YUSOF @ KAMARUDIN  
PEMANGKU DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
KOMPUTER & PERHUBUNGAN
13. PROF. MADYA ZALIMAN SAULI  
PEMANGKU DEKAN PUSAT KEMAHIRAN  
KOMUNIKASI & KEUSAHAWANAN
14. PROF. MADYA DR. MOHD. RIZON MOHAMED JOHARI  
DEKAN PENGAJIAN IJAZAH TINGGI
15. ABDUL RAHMAN MOHD SAAD  
PENGARAH PUSAT KEJURUTERAAN
16. YUFRIDIN WAHAB  
PENGARAH PUSAT KERJASAMA INDUSTRI
17. PROF. MADYA MAZELAN ABDUL HAMID  
PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN
18. SHAMSHUL BAHAR YAAKOB  
PEMANGKU DEKAN JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
19. ABDUL JALIL RAMLI  
PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN
20. USTAZ HASSAN HJ. ARSHAD  
PENYELARAS UNIT AGAMA ISLAM
21. NASRUDIN ABD. SHUKOR  
TIMBALAN PENGARAH PUSAT TEKNOLOGI  
MAKLUMAT & KOMUNIKASI
22. MEJAR (B) HJ. BAKRI HAMID  
PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN




# PEGAWAI UNIVERSITI (2004)

1. LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
REKTOR
2. PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF  
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK)
3. HJ. RUSLI ABDUL HAMID  
PENDAFTAR
4. HJ. AYOB ISMAIL  
BENDAHARI
5. HJH. FOYZIAH AHMAD NASRUDDIN  
KETUA PUSTAKAWAN
6. PROF. MADYA DR. ZURAIDAH MOHD. ZAIN  
DEKAN PENGURUSAN AKADEMIK
7. PROF. MADYA DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
MIKROELEKTRONIK
8. PROF. MADYA DR. ISMAIL DAUT  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
SISTEM ELEKTRIK
9. PROF. MADYA DR. SHAMSUL BAHARIN JAMALUDIN  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BAHAN
10. JAMALI MD. SAH  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN PEMBUATAN
11. ZOL BAHRI RAZALI  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
MEKATRONIK
12. AZMAN MUHD YUSOF @ KAMARUDIN  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
KOMPUTER & PERHUBUNGAN
13. PROF. MADYA ZALIMAN SAULI  
DEKAN PUSAT KEMAHIRAN  
KOMUNIKASI & KEUSAHAWANAN
14. PROF. MADYA DR. MOHD. RIZON MOHAMED JOHARI  
DEKAN PENGAJIAN IJAZAH TINGGI
15. PROF. MADYA DR. UDA HASHIM  
DEKAN PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN
16. SHAMSHUL BAHAR YAAKOB  
DEKAN JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
17. PROF. DR. SAZALI YAACOB  
PENGARAH UNIT PENGANTARABANGSAAN &  
PENGKOMERSIALAN
18. ABDUL RAHMAN MOHD SAAD  
PENGARAH PUSAT KEJURUTERAAN
19. YUFRIDIN WAHAB  
PENGARAH PUSAT KERJASAMA INDUSTRI
20. PROF. MADYA MAZELAN ABDUL HAMID  
PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN
21. PROF. MADYA ABDUL HALIM ABDUL  
PENYELARAS UNIT MATEMATIK
22. IR. MOHABATTUL ZAMAN S NS BUKHARI  
PENYELARAS UNIT KUALITI
23. LT. KOL. (B) AZUDDIN BAHARI  
PENYELARAS UNIT KESELAMATAN & KESIHATAN  
PEKERJAAN
24. HJ. HUZILI HUSSIN  
PENYELARAS UNIT PENGAJARAN & PEMBELAJARAN
25. ABDUL JALIL RAMLI  
PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN
26. USTAZ HASSAN HJ. ARSHAD  
PENYELARAS UNIT AGAMA ISLAM
27. NASRUDIN ABD. SHUKOR  
PEMANGKU PENGARAH PUSAT TEKNOLOGI  
MAKLUMAT & KOMUNIKASI
28. MEJAR (B) HJ. BAKRI HAMID  
PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN

# PEGAWAI UNIVERSITI (2005)

1. LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
REKTOR
2. PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF  
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK &  
PENGANTARABANGSAAN)
3. HJ. RUSLI ABDUL HAMID  
PENDAFTAR
4. HJ. AYOB ISMAIL  
BENDAHARI
5. HJH. FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN  
KETUA PUSTAKAWAN
6. PROF. MADYA DR. ZURAIDAH MOHD. ZAIN  
DEKAN PENGURUSAN AKADEMIK &  
PENGANTARABANGSAAN
7. PROF. MADYA DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
MIKROELEKTRONIK
8. PROF. MADYA DR. ISMAIL DAUT  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
SISTEM ELEKTRIK
9. PROF. MADYA DR. SHAMSUL BAHARIN JAMALUDIN  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BAHAN
10. JAMALI MD. SAH  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
PEMBUATAN
11. PROF. DR. SAZALI YAACOB  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
MEKATRONIK
12. PROF. MADYA DR. R. BADLISHAH AHMAD  
DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
KOMPUTER & PERHUBUNGAN
13. KU HALIM KU ARIFFIN  
DEKAN PUSAT KEMAHIRAN KOMUNIKASI &  
KEUSAHAWANAN
14. PROF. MADYA DR. MOHD. RIZON MOHAMED JOHARI  
DEKAN PENGAJIAN IJAZAH TINGGI
15. ABDUL RAHMAN MOHD SAAD  
PENGARAH PUSAT KEJURUTERAAN
16. PROF. MADYA DR. UDA HASHIM  
DEKAN PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN
17. SHAMSHUL BAHAR YAAKOB  
DEKAN JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
18. PROF. MADYA ZALIMAN SAULI  
PENGARAH PUSAT KERJASAMA INDUSTRI
19. PROF. DR. MOHD NOOR AHMAD  
PENYELARAS PROGRAM KEJURUTERAAN  
BIO PROSES & ALAM SEKITAR
20. PROF. MADYA ABDUL HALIM ABDUL  
PENYELARAS UNIT MATEMATIK
21. PROF. MADYA DR. SALMAH AYOB  
PENGARAH UNIT KEBUDAYAAN & REKREASI
22. ZOL BAHARI RAZALI  
PENYELARAS UNIT KUALITI
23. PROF. MADYA AHMAD NAZRI ABDULLAH  
PENYELARAS UNIT PENGAJARAN &  
PEMBELAJARAN
24. PROF. MADYA MAZELAN ABDUL HAMID  
PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN
25. AZUWIR MOHD NOR  
PENYELARAS KILANG MENGAJAR
26. LT. KOL. (B) AZUDDIN BAHARI  
PENYELARAS UNIT KESELAMATAN & KESIHATAN  
PEKERJAAN
27. ABDUL JALIL RAMLI  
PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN
28. USTAZ HASSAN HJ. ARSHAD  
PENYELARAS UNIT AGAMA ISLAM
29. NASRUDIN ABD. SHUKOR  
PEMANGKU PENGARAH PUSAT TEKNOLOGI  
MAKLUMAT & KOMUNIKASI
30. MEJAR (B) HJ. BAKRI HAMID  
PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN



# Daulat Tuanku

# CANSELOR PERTAMA

**DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA  
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**



## DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL



D.Y.M.M. Pemangku Raja Perlis yang juga Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail diputerakan pada 30 Disember 1967. Baginda merupakan anakanda pertama dan putera tunggal kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Tuanku Syed Faizuddin mula menuntut di Sekolah Rendah Kebangsaan Putra, Kangar dari tahun 1974 hingga 1979. Baginda meneruskan pengajian di Sekolah Menengah Derma, Kangar dari tahun 1980 hingga 1982. Pada tahun 1983, menyusuli langkah ayahanda baginda Tuanku Syed Sirajuddin, dan nenda baginda Almarhum Tuanku Syed Putra, Tuanku Syed Faizuddin menjejakkan kaki ke Sekolah Menengah Penang Free, Pulau Pinang. Seterusnya pada tahun 1984, baginda berangkat ke Melbourne, Australia untuk melanjutkan pelajaran dengan memasuki tingkatan lima dan kemudian mengikuti kursus matrikulasi tingkatan enam di Carey Grammar School, Kew sehingga tahun 1985. Baginda seterusnya ditawarkan tempat di La Trobe University, Bundoora. Tuanku Syed Faizuddin memperolehi ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi (B.Ec.) pada tahun 1989. Dalam tahun 2002, baginda diiktiraf dengan 'La Trobe Medal', iaitu gelaran penghormatan tertinggi bagi Universiti tersebut. Baginda adalah penerima kedua anugerah tersebut, selepas Presiden negara Greece.



Kerjaya Tuanku Syed Faizuddin sebagai Eksekutif di Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) bermula pada tahun 1990 di mana baginda menjawat jawatan Pelatih Pengurusan dalam bahagian Pengurusan Am. Dari tahun 1992 hingga 1993, Tuanku Syed Faizuddin berkhidmat sebagai Eksekutif Pemasaran dan Jualan (Antarabangsa) untuk pasaran Australasia, Eropah, Timur Tengah dan India. Baginda kemudiannya bertanggungjawab ke atas pasaran Asia dan Afrika dari tahun 1994 hingga 1995.

Dari tahun 1995-1998, baginda menjadi Pengurus Kawasan bagi Sepanyol dan Portugal dan menetap di Madrid. Pada tahun 1998 pula, baginda ditugaskan sebagai Pengurus Kawasan bagi Switzerland, Austria dan Eropah Tengah. Pada waktu ini, baginda menetap di Zurich.



Tuanku Syed Faizuddin merupakan peminat sukan bolasepak - sebagai pemain, penonton dan penyokong. Baginda merupakan peminat setia Kelab Bolasepak Liga Perdana Inggeris, Manchester

## DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL

United. Sehingga hari ini baginda masih bermain bersama rakan-rakan untuk Pasukan Bolasepak Istana FC Perlis pada setiap petang dan berangkat hadir menyaksikan setiap perlawanan bola sepak Liga Perdana-M yang melibatkan pasukan Negeri Perlis. Ketika bersekolah di Perlis, baginda turut mewakili pasukan negeri dalam kejohanan bola sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (M.S.S.M.)

Pada tanggal 9 Mei, 1994 Tuanku Syed Faizuddin telah mendirikan rumah tangga dengan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Lailatul Shahreen Dato' Khalil. Pada tahun 1998, sempena perayaan Hari Keputeraan Rasmi Almarhum Tuanku Syed Putra, Tuanku Syed Faizuddin telah dianugerahkan 'Seri Paduka Mahkota Perlis' (S.P.M.P) yang membawa gelaran 'Dato' Seri'. Seterusnya, pada 1 Ogos 2000, baginda dianugerahkan gelaran 'Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis'. Namun begitu, baginda hanya mula memainkan peranan dan fungsi rasmi sebagai Raja Muda selepas upacara pengisytiharan rasmi dilangsungkan pada 12 Oktober 2000.

Pada tanggal 12 hb. Disember 2001, Tuanku Syed Faizuddin dilantik oleh ayahanda baginda sebagai Pemangku Raja Perlis untuk tempoh lima tahun apabila D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Malaysia ke 12. Pada tarikh tersebut juga, baginda dikurniakan Bintang Kebesaran Darjah Kerabat Perlis (D.K.). Baginda Tuanku menamatkan kerjaya selama 12 tahun dengan MAS pada 31 hb. Januari 2002, dan membawa pulang banyak pengalaman pentadbiran di luar negara untuk dimanfaatkan dan dikongsi bersama rakyat Perlis. Baginda kini menerajui Rejimen 504 Askar Wataniah (RAW) yang berpangkalan di Bukit Keteri, Perlis sebagai Komander berpangkat 'Brigedier Jeneral', mengambil alih tempat ayahanda baginda semasa menjadi Raja Muda dahulu.

Selain itu, Tuanku Syed Faizuddin turut mengambil alih jawatan yang disandang oleh ayahanda baginda sejak sekian lamanya sebagai Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Presiden Kelab Golf Putra Perlis. Baginda juga adalah penaung bagi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM), Malaysia Chefs Association, Projek Bola Sepak Ken Barnes Soccer Skills Se-Malaysia, Persatuan Bowling Padang Perlis, serta Pertubuhan Jemaah Dato'-Dato' Negeri Perlis. D.Y.T.M. Raja Puan Muda Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah diputerikan di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 28hb. Mac, 1970



## DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL



dan merupakan puteri kedua kepada usahawan Dato' Haji Khalil Akashah dan Datin Hajah Nik Rahimah Wan Ahmad. D.Y.T.M. Raja Puan Muda merupakan bekas pelajar Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur, dan seterusnya baginda telah melanjutkan pelajaran selama 8 tahun di Melbourne, Australia. Ketika di Australia, D.Y.T.M. mulanya menuntut di Merton Hall Melbourne Girls Grammar School dan kemudiannya di La Trobe University di mana D.Y.T.M. memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Kemanusiaan pada tahun 1992. D.Y.T.M. kini merupakan Presiden Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM).

D.Y.T.M. Raja Puan Muda mula berkenalan dengan Tuanku Syed Faizuddin ketika bersama-sama menuntut di Melbourne. Baginda berdua dikurniakan seorang puteri, Yang Amat Mulia Sharifah Khatreena Nuraniah pada 10hb. Februari 1995. Seperti paduka bondanya, Sharifah Khatreena juga gemar melukis, serta meluncur ais dan salji. Pada 4 Mac 2001, baginda berdua sekali lagi dikurniakan dengan seorang puteri bernama Yang Amat Mulia Sharifah Farah Adriana yang diputerikan di Hospital Zumikon, Switzerland. Sehingga tahun 1995, D.Y.T.M. memegang jawatan sebagai Pengarah Pentadbiran ASIE Sdn. Bhd., tetapi mengambil keputusan meletakkan jawatan apabila mula mengiringi Tuanku Syed Faizuddin menjalankan tugas baginda di luar negara.

Tuanku Lailatul Shahreen buat ketika ini adalah penaung bagi Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia Cawangan Perlis, serta Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Wanita (DEWANITA) Cawangan Perlis.

Pada 1 Ogos, 2000, D.Y.T.M. menerima gelaran rasmi 'Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis' apabila Tuanku Syed Faizuddin diisytiharkan sebagai Raja Muda Perlis. Tuanku Lailatul Shahreen dikurniakan anugerah 'Seri Paduka Mahkota Perlis' (S.P.M.P.) yang membawa gelaran 'Dato Seri' pada 17 Mei, 2002. Pada Januari, 2004, DYMM Tuanku Syed Faizuddin serta DYTMM Raja Puan Muda Tuanku Lailatul telah berkenan mengerjakan ibadah haji di Mekah.



# PENERIMA IJAZAH KEHORMAT PERTAMA

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI (DR.) SHAHIDAN KASSIM**





## YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI (DR.) SHAHIDAN KASSIM



Dato' Seri Shahidan bin Kassim, anak kepada pasangan petani, Kassim bin haji Ismail dan Pok binti Arshad, dilahirkan pada tanggal 17 Jun 1951 di Kampung Tambun Tulang, Arau, Perlis. Anak keenam dari tujuh orang adik beradik ini dibesarkan di dalam suasana perkampungan sawah yang indah dan harmoni. Beliau memulakan pendidikan awalnya di Sekolah Kebangsaan Tambun Tulang sebelum menyambung pengajian ke Sekolah Menengah Datuk Sheikh Ahmad, Kangar dan seterusnya menamatkan alam persekolahan di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra Kedah.

Setelah menyempurnakan persekolahan, beliau melanjutkan pengajiannya ke Universiti Malaya di dalam jurusan Sejarah dan Ekonomi sehingga berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sejarah dan Ekonomi pada tahun 1973. Kecintaan terhadap ilmu pengetahuan mendorong beliau meneruskan pengajian ke peringkat sarjana di Institute of Social Studies, Holland dan memperolehi Masters Degree in Development Studies pada tahun 1983. Kini, beliau sedang menghabiskan tesis tahun akhir untuk pengajian peringkat Doktor Falsafah di Universiti Utara Malaysia.

Beliau telah memilih Shamsiah bt. M. Yassin (Sekarang Datin Seri Datuk Shamsiah bt. M. Yassin) sebagai pasangan hidup dan Datin Seri Shamsiah adalah orang yang paling banyak memberi sokongan kepada Dato' Seri Shahidan di dalam karier mahupun kehidupan seharian. Pasangan bahagia ini telah dikurniakan 6 orang cahaya mata, tiga lelaki dan tiga perempuan sebagai penyeri hidup mereka.

Sorotan sejarah penglibatan Dato' Seri Shahidan di dalam sektor awam bermula sewaktu beliau berkhidmat sebagai kakitangan di Pejabat Kastam Kuala Lumpur pada tahun 1974. Pada tahun yang sama, beliau dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan memulakan kariernya sebagai Penolong Setiausaha di Jabatan Perbendaharaan, Kuala Lumpur. Selepas empat tahun di rantau orang, beliau kembali berkhidmat di negeri kelahirannya dan menjawat jawatan sebagai Pegawai Kemajuan Negeri di Pejabat Pembangunan Negeri Perlis dari tahun 1977 sehingga 1982. Pada pertengahan tahun 1982, beliau kembali ke ibu kota setelah diarahkan bertukar ke Kementerian Pertanian Malaysia. Beliau sekali lagi bertukar ke Kementerian Tanah Malaysia setelah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Penolong Setiausaha pada tahun 1984. Beliau menamatkan kariernya di dalam sektor awam pada tahun 1986 dan seterusnya dipilih sebagai ahli Parlimen.

Penglibatan beliau di dalam arena politik bermula seawal tahun 1967 dengan menyandang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Tambun Tulang dan aktif dalam politik seterusnya. Kemuncak kejayaannya di arena politik bermula setelah dipilih sebagai Ahli Parlimen Bahagian Arau pada tahun 1986. Pada tahun



## YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI (DR.) SHAHIDAN KASSIM

1994, beliau dilantik sebagai Ketua Bahagian UMNO Arau dan menyandanginya sehingga sekarang. Tahun 1995 adalah tahun yang paling menyinar disepanjang penglibatan beliau di dalam arena politik tanahair dimana beliau diberi mandat menjadi Menteri Besar Perlis dan sekali gus dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia. Beliau juga menyandang tugas sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlis bermula pada tahun 1996 dan seterusnya dilantik sebagai Pengerusi Barisan Nasional Perlis pada tahun 1997 sehingga sekarang.

Kepimpinan dan ketokohnya terserlah sebelum menjawat jawatan Menteri Besar lagi. Ini dapat dilihat apabila beliau telah dilantik menerajui beberapa pertubuhan badan berkanun seperti Pengerusi FAMA (1990), Timbalan Pengerusi Yayasan Pelajaran MARA, dan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Padi dan Beras Negara. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Back Benchers Parlimen. Beliau turut dilantik sebagai Pengerusi PEMADAM Negeri Perlis bermula dari tahun 1987, Pengerusi Pemegang Amanah Biasiswa Negeri Perlis, Pengerusi Yayasan Islam Perlis bermula 1995 sehingga sekarang, Pengerusi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis dan pelbagai lagi agensi-agensi kerajaan. Selain daripada itu, beliau juga bergiat aktif di dalam bidang perniagaan. Beliau merupakan Pengerusi dan pemegang saham utama sebuah "Stock Broking Firm" iaitu UPEN Securities Sdn. Bhd. pada waktu itu dan juga beberapa syarikat sendirian berhad. Beliau juga terlibat secara langsung dan memiliki saham sebuah syarikat yang disenaraikan.

Ketokohan Dato' Seri Shahidan dalam mentadbir organisasi awam tambah terserlah apabila beliau diberi kepercayaan untuk menerajui beberapa organisasi swasta dan diantaranya ialah BERNAS dan beberapa anak syarikat Kerajaan Negeri seperti Pengerusi Perlis Marine Engineering Sdn. Bhd., Hotel Putra Palace, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis, Perlis Holdings Sdn. Bhd dan lain-lain lagi.

Sebagai seorang pemimpin beliau amat gemar melakukan kerja-kerja kebajikan atau sukarela. Bertitik-tolak di atas rasa tanggungjawab terhadap masyarakat, beliau telah melibatkan diri dengan menyertai tidak kurang dari 15 pertubuhan sukarela samada di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya ialah Pengerusi St. John. Ambulan Malaysia, Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Malaysia Perlis, Pengerusi Pengakap Perlis, Presiden Persatuan Leisure dan Recreation Malaysia (MARFIMA), Presiden Persatuan Jelajah Malaysia, Presiden PESAKA Negeri Perlis dan Naib Presiden di Peringkat Kebangsaan, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Perlis, Pengerusi Majlis Kebajikan Negeri Perlis dan Presiden Kelab Penerbangan Perlis. Disamping cemerlang di dalam bidang pendidikan dan karier, Dato' Seri Shahidan juga sangat aktif di dalam lapangan sukan terutamanya



## YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI (DR.) SHAHIDAN KASSIM



badminton. Selain aktif bersukan, beliau juga memegang pelbagai jawatan utama di dalam bidang sukan samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa dan diantaranya ialah Presiden Persatuan Kabbadi Kebangsaan dan Antarabangsa, Presiden Persatuan Renang Malaysia, Timbalan Presiden Catur Malaysia, Presiden Kelab Bowling Perlis, Presiden Petanque Perlis dan Presiden Persatuan Bolasepak Negeri Perlis.

Selain itu Dato' Seri Shahidan gemar memelihara haiwan ternakan sebagai hobi. Haiwan peliharaan yang sangat di sayangi beliau ialah burung unta, kucing dan ikan. Di dasarkan dari minat dan sifat murni itu, Dato' Seri Shahidan telah membina perwatakan dan jati diri untuk menjadi seorang yang cemerlang, penyabar dan dinamik. Dato' Seri Shahidan adalah seorang yang yang berpandangan jauh dan sangat komited terhadap pendidikan. Sumbangan besar beliau kepada pendidikan, terutamanya di peringkat negeri, tidak boleh disangkal sesiapa. Antara sumbangan besar beliau terhadap sistem pendidikan di negeri Perlis adalah sebagai Exco Pendidikan Negeri selama lebih sepuluh tahun dan hasilnya terbinalah Maktab Perguruan Perlis, Institut Kemahiran Belia Negara di Kuala Perlis, Institut Latihan Perindustrian di Kangar, Politeknik di Pauh dan Kolej Komuniti di Arau. Impian Dato' Seri Shahidan untuk menjadikan Perlis sebagai negeri ilmu telah lama tersimpan di hatinya dan hasrat ini akan terlaksana dengan sempurna apabila tertubuhnya sebuah universiti awam di sini.



Dato' Seri Shahidan adalah antara orang yang pertama mencetuskan idea untuk menubuhkan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang bertaraf universiti di negeri Perlis. Idea itu sekaligus menjadi harapan seluruh rakyat negeri Perlis, dan impian itu akhirnya terlaksana dengan tertubuhnya sebuah universiti awam di negeri Perlis iaitu Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Setelah KUKUM ditubuhkan, maka bermulalah lembaran baru bagi pendidikan di negeri ini merupakan sebuah kejayaan besar yang dibawa oleh Dato' Seri Shahidan demi memartabatkan pendidikan di negeri Perlis.

Atas usaha gigih dan ikhlas Dato' Seri Shahidan dalam setiap tugas yang dilakukan, beliau telah dianugerahkan pelbagai anugerah dan pingat. Dato' Seri Shahidan telah dianugerahkan Pingat Ahli Mahkota Perlis (AMP) pada tahun 1980 dan Pingat Setia Paduka Mahkota Perlis (SPMP) pada tahun 1995. Kemudiannya telah dianugerahkan Kol. Kehormat Rejimen 504 (AW) pada tahun 1997 dan yang terbaru ialah Pingat Seri Sultan Ahmad Shah (SSAP, Pahang).



Bersempena Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis Konvokesyen Komemoratif Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), pihak pengurusan dan seluruh warga KUKUM dengan bangganya menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan kepada Dato' Seri Shahidan bin Kassim berdasarkan rekod cemerlang beliau mentadbir negeri dan sumbangan besar beliau terhadap sistem pendidikan di Negeri Perlis secara keseluruhannya.

# REKTOR PERTAMA

YANG BERBAHAGIA LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN



## YANG BERBAHAGIA LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN




Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin telah dilahirkan pada tanggal 10 Februari 1955 di Pudu, Kuala Lumpur. Anak kelima dari pasangan Hussin Bin Salleh dan Hasmah Binti Hj. Abu Bakar ini telah mendapat didikan awal di Sekolah Rendah Pasar Road dan Sekolah Rendah Kampung Pandan. Beliau meneruskan persekolahannya di Sekolah Menengah Aminuddin Baki dan seterusnya menamatkan pengajian di tingkatan enam di Sekolah Alam Shah.

Selepas zaman persekolahan, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Malaysia dan mendapat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Kimia pada tahun 1979 dan pada tahun 1982 memperolehi Ijazah Sarjana dalam bidang Elektrokimia di universiti yang sama. Kemudian pada tahun 1993 beliau melengkapkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kejuruteraan Bahan (Metalurgi Pengekstrakan) di Universiti Sains Malaysia dan Kalgoorlie School of Mines, Australia.



Beliau memulakan kerjaya di USM sebagai pensyarah Pusat Pengajian Kimia Pada tahun 1982 hingga 1985, dalam tempoh tersebut beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Rancangan Kimia di Pusat Matrikulasi. Kemudian di tukarkan ke Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral pada tahun 1986 hingga 2001, dan pada tahun 1989-1991 beliau telah dilantik sebagai Timbalan Dekan di Pusat Pengajian tersebut dan dilantik semula pada tahun 1991- 1996 bagi jawatan yang sama. Pada tahun 1996 hingga Mei 2001 beliau telah dilantik sebagai Dekan di Pusat Pengajian tersebut. Selain itu, Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin juga pernah dilantik sebagai Penolong Penggawa pada tahun 1984-1986 dan sebagai Penggwa di Universiti tersebut pada tahun 1986-1991. Kemuncak kerjaya beliau di USM terserlah setelah dilantik sebagai Pengarah Kampus Kejuruteraan USM pada Mei 2001 sehingga Mac 2002 sebelum dilantik sebagai Rektor Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia pada 16 Februari 2002.



Ketokohan dan kepimpinan beliau amat cemerlang sebelum menjawat jawatan Rektor KUKUM lagi di mana beliau merupakan salah seorang yang terlibat dalam membangunkan Kampus Sementara USM di Ipoh dan Kampus Tetap USM di Tronoh (1986-1989) dan merupakan individu yang bertanggungjawab membangunkan Kampus Tetap Kejuruteraan USM di Nibong Tebal, Pulau Pinang (1997- 2001).

Atas ikatan kasih sayang, Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin telah mendirikan rumahtangga dengan Noridah Yangman (sekarang Datin Noridah Yangman) pada 4 Jun 1978 dan hasil perkongsian hidup pasangan ini telah dikurniakan 4 orang cahayamata, 2 putera dan 2 puteri. Datin Noridah adalah insan di sebalik kejayaan Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin dan merupakan insan yang paling banyak

## YANG BERBAHAGIA LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN

memberi dorongan serta sokongan dalam kerjaya dan kehidupan beliau. Kini berkat disiplin dan asuhan yang disemai oleh kedua-dua pasangan ini, keempat-empat putera puteri mereka telah berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara dalam pelbagai bidang pengajian.

Di samping mencipta kejayaan gemilang dalam kerjayanya, kebolehan dan sumbangan beliau juga begitu terserlah dalam kerja-kerja sukarela dan kemasyarakatan. Bakti dan jasa beliau amat hebat sekali dan tidak terkira oleh jari bilangannya. Rektor Pertama KUKUM ini adalah satu nama besar dalam PEMADAM Kebangsaan. Apa tidaknya, beliau adalah Pengerusi Biro Pencegahan Di IPT & Kelab PEMADAM Kebangsaan bagi tahun 2003-2005 dan yang lebih membanggakan lagi, beliau kini adalah penyandang jawatan Naib Yang di-Pertua PEMADAM Kebangsaan. Tidak terhenti di situ saja, atas ketokohnya Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin juga telah dilantik sebagai Naib Pengerusi PBSMM Perlis pada tahun 2005. Beliau juga aktif sebagai Tenaga Penggerak dan Penceramah Biro Tatanegara (BTN), di mana tidak kurang dari 60 ceramah telah disampaikan oleh beliau kepada sekolah-sekolah dan masyarakat sejak tahun 1995 lagi. Manakala dalam Pasukan Sukarela Askar Wataniah pula, nama Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin begitu sinonim sekali dalam pasukan ini. Atas disiplin dan kesungguhannya beliau telah dilantik sebagai Pegawai Memerintah Batalion I berpangkat Leftenan Kolonel di Rejimen 504 pada 1 Januari 2003.

Bagi mengenang dan mengiktiraf sumbangan bakti beliau samada dalam bidang kerjaya dan aktiviti sukarela, beliau telah dianugerahkan pingat Ahli Mahkota Perak (AMP) oleh DYMM Sultan Perak pada tahun 1998 dan dianugerahkan Darjah Paduka Sirajuddin Jamalullail (DPSJ) yang membawa gelaran Dato' oleh DYMM Raja Perlis pada 17 Mei 2004.



# PROGRAM AKADEMIK

## OBJEKTIF PROGRAM

KUKUM menawarkan dua belas buah program akademik Sarjana Muda Kejuruteraan, tujuh program Sarjana Sains Kejuruteraan dan enam program Doktor Falsafah. Kesemua program mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berketerampilan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Program kejuruteraan yang dijalankan di Universiti ini menitik beratkan kepada kaedah 'practical-oriented', iaitu, lebih penekanan diberikan kepada aspek amali, dan kursus-kursusnya menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Kurikulum semua program sentiasa dihalusi secara berterusan dengan:

- » mengambil kira pandangan, kesimpulan hasil-hasil kajian serta maklumbalas dari masyarakat, khususnya industri,
- » memenuhi kehendak-kehendak badan-badan penasihat profesional seperti Institut Jurutera Malaysia dan Lembaga Jurutera Malaysia,
- » memastikan keseimbangan kepakaran teori dengan kemahiran amali,
- » Memastikan tahap pengajian sentiasa bertaraf dunia.

Semua program akademik di KUKUM mendukung objektif-objektif berikut:

- » Mengeluarkan jurutera yang kompeten dalam aspek teori dan juga praktikal agar dapat melaksanakan tugas-tugas kejuruteraan yang berkaitan seperti penyelidikan & pembangunan, rekabentuk, pengeluaran, pembinaan, penyelenggaraan, penjualan, dan pengurusan. Tugas-tugas ini seharusnya dapat dilakukan dalam kapasiti sebagai kakitangan organisasi ataupun sebagai usahawan;
- » Menyumbang kepada bekalan tenaga manusia mahir untuk menyokong keperluan Pelan Induk Perindustrian Negara;
- » Menyumbang, melalui penyelidikan, perundingan dan pengajaran kepada pembangunan peralatan dan sistem-sistem terkini, khususnya bagi kegunaan dan kepentingan perkhidmatan awam;
- » Membentuk pelajar agar mempunyai sifat patriotik dan jatidiri yang tinggi.

Sehingga kini Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia menawarkan program di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Sarjana Sains dan Doktor Falsafah melalui enam (6) buah Pusat Pengajian seperti berikut:

**PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
MIKROELEKTRONIK**

- » Sarjana Muda Kejuruteraan (Mikroelektronik)
- » Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektronik)
- » Sarjana Sains (Kejuruteraan Mikroelektronik)
- » Doktor Falsafah

**PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
KOMPUTER DAN PERHUBUNGAN**

- » Sarjana Muda Kejuruteraan (Komputer)
- » Sarjana Muda Kejuruteraan (Perhubungan)
- » Sarjana Sains (Kejuruteraan Komputer)
- » Sarjana Sains (Kejuruteraan Perhubungan)
- » Doktor Falsafah

**PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
SISTEM ELEKTRIK**

- » Sarjana Muda Kejuruteraan (Sistem Elektrik)
- » Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektronik Industri)
- » Sarjana Sains (Kejuruteraan Sistem Elektrik)
- » Doktor Falsafah

**PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
BAHAN**


- » Sarjana Muda Kejuruteraan (Bahan)
- » Sarjana Muda Kejuruteraan (Metalurgi)
- » Sarjana Sains (Kejuruteraan Bahan)
- » Doktor Falsafah

**PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
PEMBUATAN**

- » Sarjana Muda Kejuruteraan (Pembuatan)
- » Sarjana Muda Kejuruteraan (Rekabentuk Produk) -2005
- » Sarjana Sains (Kejuruteraan Pembuatan)
- » Doktor Falsafah

**PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
MEKATRONIK**

- » Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekatronik)
- » Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal) -2005
- » Sarjana Sains (Kejuruteraan Mekatronik)
- » Doktor Falsafah






# ENROLMEN PELAJAR SIDANG AKADEMIK 2002/2003

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia buat pertama kalinya menerima pelajar perintis pada 20 Jun 2002. Seramai 119 orang pelajar telah ditawarkan bagi kemasukan ke Sidang Akademik 2002/2003 yang melibatkan pelajar lepasan Matrikulasi dan lepasan STPM. Sebanyak dua (2) buah Pusat Pengajian telah ditubuhkan dan dua (2) buah program pengajian telah ditawarkan kepada pelajar-pelajar seperti berikut:

Pusat Pengajian	Program Pengajian
a. Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik	i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Mikroelektronik)
b. Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan	i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Komputer)

Enrolmen Pelajar Sidang Akademik 2002/2003




# SIDANG AKADEMIK 2003/2004

Pada Sidang Akademik 2003/2004 pula, seramai 613 orang pelajar telah didaftarkan. Ini melibatkan pengambilan pelajar lepasan Matrikulasi, lepasan STPM dan juga lepasan Diploma yang dibuat pada sesi pengambilan Jun. Manakala pada sesi pengambilan November pula seramai 167 orang pelajar lepasan Diploma telah ditawarkan tempat di KUKUM.

Pada Sidang Akademik 2003/2004 juga, sebanyak enam (6) buah Pusat Pengajian lagi ditubuhkan dan sebanyak lapan (8) buah program pengajian baru telah ditawarkan. Ini menjadikan bilangan program pengajian yang ditawarkan pada Sidang Akademik 2003/2004 menjadi sepuluh (10) buah program pengajian. Pusat-pusat Pengajian dan program-program pengajian tersebut adalah seperti berikut:


Sehingga kini enrolmen pelajar bagi Sidang Akademik 2003 / 2004 adalah seramai 702 orang pelajar. Enrolmen pelajar bagi Sidang Akademik 2003/2004 mengikut program pengajian adalah seperti di carta di bawah:

**Enrolmen Pelajar Sidang Akademik 2003/2004**



# SIDANG AKADEMIK 2004/2005

Enrolmen Pelajar Sidang Akademik 2004/2005



# ENROLMEN STAF PERJAWATAN 2003 & 2004


Berikutan penubuhan KUKUM, Perbendaharaan sejajar dengan perakuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan Perjawatan Tenaga Penggerak KUKUM bagi jawatan-jawatan Rektor, Timbalan Rektor, Pendaftar, Bendahari dan Ketua Pustakawan berkuatkuasa 16 Februari 2002. Seterusnya, Perbendaharaan juga dengan perakuan JPA telah meluluskan sebanyak 169 pelbagai jawatan KUKUM 2003. Daripada sejumlah 169 jawatan tersebut, 68 orang adalah dalam kategori perjawatan akademik dan 101 orang adalah dalam kategori perjawatan bukan akademik.

Perjawatan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia Tahun 2003 & 2004


KUMPULAN PERKHIDMATAN	2003	2004	JUMLAH
<b>PENGURUSAN TERTINGGI</b>	3	2	5
<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>			
<b>Akademik</b>			
- Profesor	1	3	4
- Profesor Madya	13	18	31
- Pensyarah	36	63	99
- Pegawai Latihan Vokasional	13	27	40
- Tutor	2	2	4
- Guru Bahasa	3	7	10
<b>Bukan Akademik</b>	28	45	73
<b>SOKONGAN</b>	76	98	174
<b>JUMLAH</b>	<b>175</b>	<b>265</b>	<b>440</b>

# STATISTIK PERJAWATAN 2003

## Staf Akademik 2003



## Staf Bukan Akademik 2003



# STATISTIK PERJAWATAN 2004

Perbendaharaan dengan perakuan JPA telah meluluskan sebanyak 128 pelbagai jawatan KUKUM bagi tahun 2004. Daripada sejumlah 128 jawatan tersebut, 70 orang adalah dalam kategori perjawatan akademik dan 58 orang adalah dalam kategori perjawatan bukan akademik.

Sehingga 31 Disember 2004, bilangan keseluruhan jawatan adalah sebanyak 303 dan jumlah jawatan yang telah diisi adalah sebanyak 265, iaitu 87.5%. Jumlah tersebut adalah meliputi 122 staf akademik (5 Profesor, 18 Profesor Madya, 63 Pensyarah, 27 Pegawai Latihan Vokasional, 7 Guru Bahasa dan 2 Tutor) dan 143 staf bukan akademik (45 Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 98 Kumpulan Sokongan).

DIAGRAM 1 : STAF AKADEMIK 2004





DIAGRAM 2 : STAF BUKAN AKADEMIK 2004



# LOKASI KAMPUS TETAP KUKUM

Kampus tetap KUKUM terletak di Ulu Pauh, Arau yang mempunyai keluasan 1050 ekar dan juga di Sungai Chuchuh, Padang Besar dengan keluasan 300 ekar. Kedua-dua tapak ini masih pada peringkat perancangan dan pembangunan. Di kedua-dua tapak ini juga akan dibina kampus KUKUM yang lengkap dengan prasarana moden dan terkini dengan mengekalkan keindahan flora dan fauna alam semuajadi bagi menjadikan kampus ini sebagai sebuah Kampus Alam.

Tapak kampus tetap KUKUM terletak di kawasan yang strategik dimana ia berada di dalam lingkungan kawasan yang pesat membangun seperti Kangar, Arau, Padang Besar, Kuala Perlis serta Changlun dan Bukit Kayu Hitam, Kedah. Kawasan ini telahpun mempunyai kemudahan infrastruktur yang utama iaitu jaringan lebuh raya antara Kuala Perlis ke Changlun, Lebuh raya Utara-Selatan (PLUS) di samping lebuh raya ke Padang Besar yang akan dibina dalam masa terdekat.

Upacara Perasmian Pecah Tanah bagi Kampus Tetap KUKUM telah diadakan pada 2 Jun 2003 yang disempurnakan oleh Y.A.B. Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, yang pada masa tersebut adalah Timbalan Perdana Menteri Malaysia.



# KEDUDUKAN SEKARANG

Pada masa kini, kampus KUKUM adalah merupakan sebuah kampus yang bersifat bertaburan (distributed) di lokasi-lokasi seperti berikut:

## Kangar (Zon A) :

- » Jabatan Canselori
- » Jabatan Pendaftar
- » Jabatan Bendahari
- » Perpustakaan
- » Dewan Kuliah
- » Makmal

## Kangar (Zon B) :

- » Jabatan Pembangunan
- » Jabatan Keselamatan

## Kubang Gajah (Zon C) :

- » Bahagian Hal Ehwal Pelajar
- » Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- » Dewan Kuliah dan Makmal
- » Rumah Putih
- » Gimnasium

## Kuala Perlis (Zon D) :

- » Pusat Kerjasama Industri
- » Pusat Kejuruteraan
- » Bengkel Pusat Kejuruteraan
- » Dewan Kuliah dan Makmal

## Bintong (Zon E) :

- » Kolej Kediaman Pelajar  
(Kolej Kediaman Tunku Abdul Rahman)

## Kuala Perlis (Zon F) :

- » Kolej Kediaman Pelajar :  
(Kolej Kediaman Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir, Tun Dr. Ismail dan Tun Ghafar Baba)
- » Rumah Penggawa dan Penolong Penggawa
- » Gelanggang Permainan
- » Makmal


## Kangar (Zon G) :

- » Rumah Tetamu







# KAMPUS CADANGAN



- ilustrasi artis -

# FASILITI PELAJAR

## BILIK KULIAH, MAKMAL DAN BENGKEL



# KOLEJ KEDIAMAN



# REKREASI & PENGANGKUTAN



# PUSAT PEMANTAPAN AKADEMIK

## PUSAT KEMAHIRAN KOMUNIKASI & KEUSAHAWANAN

Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan adalah sebuah pusat perkhidmatan akademik. Ia tidak menawarkan apa-apa program akademik yang membawa kepada penganugerahan ijazah. Sebaliknya, ia menawarkan kursus-kursus keperluan universiti yang wajib diikuti oleh semua pelajar, tanpa mengira program akademik yang diambilnya. Pusat ini juga menawarkan pelbagai kursus ko-kurikulum yang bertujuan membantu membangunkan sahsiah pelajar KUKUM.

PKKK mempunyai seramai 36 orang staf.

## PUSAT KEJURUTERAAN

Bagi kesemua 10 program kejuruteraan yang ditawarkan di KUKUM, terdapat banyak makmal dan bengkel umum (gunasama) yang diperlukan. Setiap makmal/bengkel tersebut digunakan oleh 200-1400 (atau lebih) pelajar pelbagai program. Untuk memastikan makmal-makmal dan bengkel-bengkel tersebut dikendalikan dengan berkesan, cekap, optimum dan berupaya memberikan equal access kepada semua pusat pengajian, perlulah ada suatu pusat yang menggabungkan kesemua kemudahan tersebut di



bawah satu pengurusan. Pusat Kejuruteraan telah ditubuhkan bagi tujuan tersebut. Sebagai permulaan, Pusat Kejuruteraan menguruskan makmal-bengkel pengajaran berikut;

### Makmal PCB

Rekabentuk dan fabrikasi "Printed Circuit Board" (PCB)

### Makmal Teknologi Mikropemproses

Aplikasi Sistem Terbenam (Embedded System) dan rekabentuk komputer

### Makmal Asas Kejuruteraan Elektrik

Konsep dan kaedah asas dalam bidang elektrik dan elektronik

### Pusat CAD/CAM

AUTOCAD, MATLAB termasuk "Drawing Office" bagi latihan lukisan kejuruteraan konvensional

### Bengkel Kejuruteraan Elektrik

Pendawaian elektrik domestik dan industri serta mesin elektrik

## PUSAT KERJASAMA INDUSTRI

Pusat Kerjasama Industri berperanan menjalin hubungan dengan pihak industri dari pelbagai aspek, terutama dalam program-program yang berkait terus dengan pembelajaran pelajar. Antara program yang dijalankan termasuklah Program Pendedahan Kepada Industri (IndEx), Forum Bersama Industri, Latihan Industri (InTra), Kursus Keusahawanan Teknologi (IndEnt), Syarahan Akademik Pakar dari Industri (InTeLect), siri Lawatan ke Industri, Latihan Perindustrian Staf dan lain-lain lagi.

Pusat Kerjasama Industri juga merancang dan menyelaras

# PUSAT PEMANTAPAN AKADEMIK

aktiviti-aktiviti berkaitan dengan memorandum persefahaman (MoU) antara KUKUM dan pihak industri. Acara menandatangani memorandum persefahaman yang pertama telah diadakan pada 2 Jun 2003 pada Majlis Pecah Tanah di tapak kampus tetap KUKUM di Ulu Pauh. Syarikat-syarikat yang telah menandatangani memorandum ini ialah SILTERRA, ALTERA, CIMA, ACM, MODENAS, METRALINE, CELCOM, KHTP, VOLT AMPERE, TNB, Najwa Maju, ON Semiconductor, OITA Univ, Sun Microsystem, TTPC, ASTRONAUTICS, UTM dan USM. Memorandum ini bertujuan mewujudkan kerjasama di dalam pelbagai aktiviti akademik seperti penempatan pelajar Latihan Industri, pertukaran staf KUKUM-industri untuk jangka waktu tertentu, projek tahun akhir pelajar, dan projek penyelidikan siswazah.

PKI juga menganjurkan siri Forum Industri yang melibatkan lebih 20 buah syarikat industri. Forum ini bertujuan memperkenalkan KUKUM kepada industri, mengenengahkan konsep 'practical oriented' sebagai antara keunikan KUKUM, mendapatkan sokongan industri bagi pelaksanaan pengajaran mesra-industri, mengenalpasti peluang-peluang kerjasama dan



membincangkan pengajaran ke arah penghasilan graduan tersedia-industri.

## Pusat ICT

Pusat ICT ditubuhkan untuk menyokong penggunaan dan pelaksanaan ICT di dalam pengajaran-pembelajaran

pelajar. Ia juga sebagai pendokong operasi pentadbiran Universiti yang berteraskan ICT. Ia merancang, membangun, melaksana, dan menyelenggara infrastruktur ICT seperti sistem maklumat Universiti dan jaringan komunikasi kampus. Pusat ICT juga menawarkan khidmat rundingan dan nasihat di dalam bidang ini, selain membantu menyemai budaya ICT di dalam Universiti.



# PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia telah dibuka pada Julai 2002 kepada pelajar dan kakitangan KUKUM.

## KOLEKSI PERPUSTAKAAN

Koleksi Perpustakaan KUKUM telah meningkat dengan pesat dari semasa ke semasa mengikut jumlah pelajar serta kursus yang ditawarkan di KUKUM.

## PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Perpustakaan KUKUM telah menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada pengguna. Antaranya :-

### OPAC

#### (Online Public Access Catalog)

Perpustakaan KUKUM kini menggunakan Sistem



Perpustakaan yang dibina sendiri dari Perisian Visual Basic.




## Kemudahan ICT

Perpustakaan KUKUM telah dilengkapi dengan pintu elektronik yang dikenali sebagai 'Turnstile'. Kad Pintar merupakan akses laluan kepada semua pengguna yang menggunakan Perpustakaan termasuk kakitangan dan pelawat luar. Ia bertujuan untuk mengenalpasti pengguna dan orang perseorangan yang masuk ke Perpustakaan.

## Bengkel Pangkalan Data

Sepanjang tahun 2003, Perpustakaan telah mengadakan latihan kemahiran pencarian maklumat melalui pangkalan data elektronik. Sebanyak 3 kali sesi latihan diadakan bagi 3 pangkalan data elektronik yang berbeza iaitu IEEEEXPLORE, SCIEDIRECT dan ENGINEERING VILLAGE 2 & ENGETBASE.



# KEGIATAN PELAJAR

## YDP MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR



**NORAZMI AB. RAHMAN**  
**PPK MIKROELEKTRONIK**

**YDP MPP 2002/2003**



**SITI SALWA MAT ISA**  
**PPK MIKROELEKTRONIK**

**YDP MPP 2003/2004**



**NOR FARAH LISA MOHAMED**  
**PPK PEMBUATAN**

**YDP MPP 2004/2005**



# KEGIATAN PELAJAR

## AKTIVITI 2002

### JUN 2002

2 JUN 2002  
Pendaftaran Pelajar Sulung KUKUM

22 JAN 2002  
Majlis Sambutan Siswa

### JULAI 2002

19 JULAI 2002  
Festival Nasyid Tertutup KUKUM

20 JULAI 2002  
Program Berjalan Kaki & Mesra Penduduk

27 JULAI 2002  
Kuiz Bina Bangsa

### OGOS 2002

19-20 OGOS 2002  
'Aerobics Workshop with MAKCUS'

4-8 OGOS 2002  
Pertandingan Debat Alam Sekitar

1 OGOS 2002  
Pertandingan Kawad Hari Kebangsaan

### SEPTEMBER 2002

17 SEPTEMBER 2002  
Perasmian Kampus Sementara KUKUM oleh  
Menteri Besar Perlis.




### OKTOBER 2002

14 OKTOBER 2002  
Peperiksaan Akhir

### NOVEMBER 2002

21 NOVEMBER 2002  
Majlis Berbuka Puasa Staf & Pelajar KUKUM

27-28 NOVEMBER 2002  
Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat KUKUM



# AKTIVITI 2003

## APRIL 2003

1-5 APRIL 2003  
Kursus Biro Tata Negara (BTN) di Kulim

4-6 APRIL 2003  
Program Menjana Jurutera Masa Depan :  
MRSM Beseri & Taiping

23 APRIL 2003  
Program Berjalan Kaki Lasak Bersama Y.A.B.  
Menteri Besar Perlis

## MEI 2003

2-4 MEI 2003  
Program Menjana Jurutera Masa Depan II :  
Sekolah Menengah Seluruh Perlis

8 MEI 2003  
Program Gotong Royong Mega Bersama  
Y.A.B. Menteri Besar Perlis di Kuala Perlis.

26 MEI 2003  
Gotong Royong Mega KUKUM di KK B & C

29 MEI 2003  
Majlis Pelancaran Kolej Kediaman B & C, Kg.  
Wai, Kuala Perlis Oleh Y.A.B. Menteri Besar  
Perlis


## JUN 2003

1-7 JUN 2003  
Minggu Orientasi Pelajar Baru Sesi Pengajian  
Jun 2003/2004

1 JUN 2003  
Program Bersama Tokoh  
(Y.A.B. Menteri Besar Perlis)

Minggu Orentasi

5 JUN 2003  
Majlis Sambutan Siswa



## JULAI 2003

20 JULAI 2003  
Pertandingan Debat Piala Rektor

22 JULAI 2003  
Pertandingan Nasyid Lelaki Zon Utara.

27-31 JULAI 2003  
Pertandingan Debat Alam Sekitar di UPM

27-31 JULAI 2003  
Kursus Biro Tata Negara (BTN) di Kulim

Sepanjang JULAI 2003  
Liga Bolasepak MASUM (Uni-League)

26 MEI 2003  
Gotong Royong Mega KUKUM di KK B & C

## OGOS 2003

14 OGOS 2003  
Pertandingan Karaoke " Malam Seribu  
Bintang"

17-21 OGOS 2003  
Pertandingan Debat Kemerdekaan di UUM

20 OGOS 2003  
Rakaman Program TV Ritma Menara di  
Angkasapuri, Kuala Lumpur

22 OGOS 2003  
Program Gaya Hidup Sihat Sempena  
pelancaran Kelab PEMADAM KUKUM

24-25 OGOS 2003  
Gema Seni Merdeka di UUM

24 OGOS 2003  
Program Jalan Kaki 10 km dan Majlis Ramah  
Mesra Bersama Masyarakat Setempat

24-26 OGOS 2003  
Kejohanan Badminton Tertutup KUKUM &  
Jemputan

Sepanjang OGOS 2003  
Liga Bola Sepak MASUM (Uni-League)

# AKTIVITI 2004

## Februari 2004

4 -8 / 02 / 2004  
Pertandingan Debat Inter-Varsity Sains & Teknologi (DIVSAT)

20 / 02 / 2004  
Majlis Anugerah Sukan & Kesenian KUKUM 2003

## Mac 2004

14- 18 / 03 / 2004  
Kursus Patriotisme & Jatidiri Pelajar KUKUM Siri 1 / 2004

## Mei 2004

10 12 / 05 / 2004  
Kursus Kepimpinan & Pengurusan Persatuan Berasaskan Sosio & Budaya

## Jun 2004

3-5 / 06 / 2004  
Kursus Motivasi Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal Fasa 1

7-8 / 06 / 2004  
Kursus Motivasi Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal Fasa 2

12 / 06 / 2004  
Pertandingan Melukis Banner sempena Pesta Pemasyhuran Canselor

16 / 06 / 2004  
Pertandingan Nyanyian KUKUM IDOL

21 / 06 / 2004  
Ringgit Collecting

## Julai 2004

26 / 07 / 2004  
Lawatan Pelajar ke Dewan Negara (mengikuti sidang dewan)

15 / 07 / 2004  
Persembahan Kebudayaan Sempena Pemasyhuran Canselor KUKUM

30 / 07 / 2004  
Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara IPTA 2004



## Ogos 2004

8-10 / 08 / 2004  
Kursus Patriotisme & Jatidiri Pelajar KUKUM Siri 2/2004

8/14 / 08 / 2004  
Kursus Bina Negara Pemimpin Mahasiswa Indonesia Malaysia

12/14 / 08 / 2004  
Kursus Kepimpinan Pelajar fasa Pertama

21 / 08 / 2004  
Bengkel Study Skill Excellence

17-29 / 08 / 2004  
Kursus Kepimpinan Pelajar Fasa Kedua

## September 2004

10-12 / 09 / 2004  
Kursus Patriotisme & Jatidiri Pelajar KUKUM Siri 3/2004

18-19 / 09 / 2004  
Bengkel Kepimpinan MPP Sidang 2004/2005

24-26 / 09 / 2004  
Kursus Patriotisme & Jatidiri Pelajar KUKUM Siri 4/2004

4 -7 / 09 / 2004  
Pertandingan Debat Piala Rektor KUKUM

16 / 09 / 2004  
Pertandingan Nasyid IPTA 2004

## November 2004

25-28 / 11 / 2004  
Kursus Patriotisme & Jatidiri Pelajar KUKUM Siri 5/2004

25-28 / 11 / 2004  
Program Jelajah Ilmu

## Disember 2004

2-5 / 12 / 2004  
Kursus Patriotisme & Jatidiri Pelajar KUKUM Siri 6/2004

4-5 / 12 / 2004  
Bengkel Pengurusan Organisasi Pelajar

10-12 / 12 / 2004  
Bengkel Anjakan Minda

# KEJAYAAN & PENGHARGAAN

## PEMENANG BIOGENESIS CHALLENGE 2003

Pasukan Prof. Mohd Noor Ahmad, Penyelaras Program Kejuruteraan Bioproses dan Kejuruteraan Alam Sekitar dari Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) yang telah berjaya menghasilkan sebuah 'nutra biostrip' yang boleh mengesahkan kandungan dan kualiti herba sesebuah bahan yang hendak diuji telah muncul sebagai pemenang di dalam pertandingan Melaka Biogenesis Challenge 2003 pada 13 Januari 2005 lalu.

Pertandingan Melaka Biogenesis Challenge 2003 adalah suatu inisiatif Kerajaan Negeri Melaka melalui Bahagian Bioteknologi Melaka yang mempunyai matlamat untuk memula, menggalak dan merangsang industri bioteknologi di negeri Melaka. Cabaran ini membuka peluang kepada penyelidik-penyelidik atau saintis-saintis untuk mengenegahkan hasil-hasil kajian mereka yang boleh dikomersialkan dari berbagai cabang bioteknologi seperti agrobioteknologi, perubatan, makanan dan bioteknologi alam sekitar.

## 1 EMAS 4 PERAK 2 GANGSA DI ITEX 2005

Penyertaan sulung KUKUM di International Invention, Innovation, Industrial Design and Technology (ITEX) 2005 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 19-21 Mei 2005 telah membuahkan kejayaan yang cukup memberangsangkan. Di dalam pertandingan itu KUKUM telah mencapai kemenangan 100% apabila tujuh produk penyelidikan oleh para pencyarahnya telah memenangi hadiah bagi setiap produk penyelidikan yang dicalonkan.

Pameran Antarabangsa Ciptaan, Inovasi, Rekaan Industri dan Teknologi atau ITEX 2005, anjuran Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk Malaysia tersebut adalah satu platform bagi para pencipta yang menumpukan kepada konsep kreatif dalam rekaan bagi bertukar-tukar idea serta peluang-peluang perniagaan. Ia juga merupakan pameran yang tersohor di Asia Pasifik dalam mengenegahkan pencipta, penciptaan, penghasilan serta rekaan industri dan usahawan tekno di dalam bidang rekaan.



# KEJAYAAN & PENGHARGAAN

## Emas

Produk A cost Effective and Consummate Fabrication Teaching Set-up for Microelectronic Engineering Undergraduate Programme.

## Perak

Produk Xanthine Oxidase Disposable Biosensor for Herbal Antioxidant Evaluation.

- KUKUM Artificial Marble.
- Microsensor for Human Stress Index.
- Aroma Sensor for Mango Ripeness.

## Gangsa

Produk F-Oligosac:A biofunctional Prebiotic from Recombinant Aspergillus niger Fermentation of Sago Starch.

- Iris ID: An iris detection-based system to identify the unknown person's face image for which the position, scale, and image-plane rotation of the face are unknown.

## TEMPAT KETIGA ANUGERAH PERDANA TEKNOLOGI MAKLUMAT 2004

KUKUM telah muncul sebagai pemenang tempat ketiga dalam Anugerah Perdana Teknologi Maklumat 2004 anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri. Pelan Strategik ICT atau ICT Strategic Plan (ISP) Sektor Awam telah dilancarkan oleh Y. Bhg. Tan Sri Samsudin bin Osman, Ketua Setiausaha Negara sempena Persidangan CIO Sektor Awam 2003 pada 21 Ogos 2003 yang lalu. Pelan ini telah dibangunkan mulai Mei 2002 bertujuan untuk memastikan supaya inisiatif-inisiatif ICT yang dirancang oleh agensi-agensi Kerajaan adalah sejajar dengan visi ICT sektor awam iaitu untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan cekap.

## ROBOCON 2005

Pasukan KUKUM B telah berjaya layak ke peringkat suku akhir dalam pertandingan ROBOCON 2005 dengan tema 'Climb The Great Wall, Light The Holy Fire' anjuran Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) Berhad dengan kerjasama penuh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia dan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

KUKUM B telah berjaya mara ke peringkat suku akhir pertama, iaitu berada di kedudukan lapan terbaik dari 39 pasukan yang mengambil bahagian. Walaupun masih dianggap sebagai universiti muda di negara ini, KUKUM adalah satu-satunya pasukan dari Kolej Universiti awam yang telah berjaya melayakkan diri sehingga ke peringkat suku akhir. Ia adalah pencapaian yang amat membanggakan dan sekaligus diiktiraf sebagai universiti awam ke-empat terbaik di dalam pertandingan tersebut.



# KEJAYAAN & PENGHARGAAN

## AROB 2005

Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dengan kerjasama Prince of Songkla University (PSU), Thailand telah menganjurkan satu bengkel antarabangsa berkaitan bidang robotik dan 'kehidupan buatan' iaitu The First International Workshop on Artificial Life and Robotics pada 14 -15 Mei 2005 ini bertempat di Kangar, Perlis dan Hatyai, Thailand. Bengkel yang buat julung-julung kalinya diadakan di negara ini telah dihadiri lebih dari 50 orang peserta yang terdiri daripada ahli-ahli akademik dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia, Thailand, Jepun, United Kingdom, Korea dan termasuk wakil industri di negara ini iaitu MyRobotics (M) Machine Tools Sdn. Bhd. dan Tag Technology Sdn. Bhd.

## NCED 2005

Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah menganjurkan satu persidangan kebangsaan iaitu 'National Conference on Electronic Design 2005' (NCED 2005) dengan tema: 'Nation's Prosperity Through Electronics Design' yang pertama di Malaysia pada 18-19 Mei 2005 ini bertempat di Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis.

Persidangan yang menghimpunkan seramai lebih kurang 60 orang ahli akademik dari seluruh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan beberapa wakil dari Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta wakil industri itu telah memokuskan kepada empat topik utama iaitu 'Rekaan Litar Kamir Bersepadu' (Integrated Circuit Design), 'Rekaan Papan Aras (Board Level Design)', 'Rekaan Sistem Tertanam' (Embedded System Design) dan 'Rekaan Antara Muka Perisian-Perkakasan' (Software-Hardware Interface Design).

## MICEOFF4

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dengan kerjasama Institut Kimia Malaysia (IKM) dan Kerajaan Negeri Perlis telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa iaitu '4th Malaysian International Conference on Essential Oils and Fragrance and Flavour Materials' (MICEOFF4) dengan tema: 'Emerging Opportunities in Malaysia with Industry and Researchers Working Together' pada 8-11 Mei 2005 ini bertempat di Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis.

Persidangan tersebut diadakan bagi tujuan meneroka potensi industri 'minyak pati' (essential oils) dan perkembangannya di Malaysia selain bertindak sebagai forum menghimpunkan pakar-pakar di dalam bidang 'minyak pati' dari seluruh dunia. Sebanyak lebih kurang 31 kertas kerja bagi mengupas segala persoalan dan mencari jawapan kepada permasalahan berkaitan 'minyak pati' telah dibentangkan di dalam persidangan tersebut.



# KEJAYAAN & PENGHARGAAN

## MPP KUKUM, PEMERINTAHAN MAHASISWA UISU METERAI MOU

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2005/2006, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dan Pemerintahan Mahasiswa, Universitas Islam Sumatera Utara (UISU) telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama bagi mengeratkan hubungan kerjasama di dalam pelbagai bidang yang telah dikenal pasti antara kedua-dua buah persatuan pelajar itu.

Majlis yang telah diadakan di Restoran Terapung, Kuala Perlis pada 7 Jun 2005 itu telah mencipta sejarah tersendiri bagi kedua-dua buah universiti. Ia adalah perjanjian persefahaman pertama yang membabitkan dua buah persatuan pelajar Institut Pengajian Tinggi di peringkat antarabangsa secara rasmi, baik bagi Malaysia mahupun Indonesia sendiri.

## PASUKAN LATIHAN PEGAWAI SIMPANAN (PALAPES) KUKUM

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) adalah Kolej Universiti yang pertama di Malaysia yang telah berjaya menubuhkan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES)nya sendiri. DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis dan DYTU Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah telah sudi mencemar Duli berangkat dan seterusnya menyempurnakan majlis perasmian itu pada 3 Mac 2005 lalu bertempat di Dataran Hal Ehwal Pelajar (HEP), Kampus KUKUM, Kubang Gajah, Arau, Perlis. Turut hadir ialah Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis, Dato' Dr. Shafie Mohd Salleh, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Zainal Abidin Zin, Timbalan Menteri Pertahanan.

## KUKUM METERAI PERJANJIAN DENGAN BSN

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) mencatatkan sejarah tersendiri sebagai Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama menandatangani Perjanjian Pembiayaan Skim Kemudahan Pinjaman Kenderaan dengan termeterainya satu perjanjian bersama dengan Bank Simpanan Nasional pada 14 Januari 2005 lalu di Menara BSN, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

## JOHAN PIALA BUMITA

Pasukan bolasepak staf Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia, KUKUM FT membuktikan penyertaan sulung mereka di dalam Kejohanan Bolasepak Piala Bumita 2004 berbaloi apabila muncul juara bagi Edisi 2004. KUKUM FT menewaskan pasukan Polis FC di dalam perlawanan akhir yang berlangsung di Kompleks Sukan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Arau pada 9 Oktober 2004 lalu.



# KEJAYAAN & PENGHARGAAN

## JOHAN KEJOHANAN GOLF ANTARA UNIVERSITI AWAM KE-33

Mohd Sharul bin Musa dan Roshaidi bin Ramli, kakitangan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah berjaya muncul juara dan naib juara perseorangan bagi kategori 'gross' di Kejohanan Golf Antara Universiti Awam ke-33 yang telah berlangsung di Palm Villa Golf Resort dan Palm Resort Golf & Country Club Senai, Johor pada 18-19 Jun 2005 lalu. Roshaidi juga adalah pemenang bagi kategori yang sama pada kejohanan yang diadakan pada tahun sebelumnya. Kemengan tersebut membolehkan KUKUM membawa pulang Piala Pusingan Tun Dr. Mahathir untuk dua tahun berturut-turut.

## JOHAN BOLATAMPAR PIALA DATO' JOHARI BAHAROM

Pada kejohanan bolatampar terbuka merebut Piala Dato' Johari Baharom di Changlun, pasukan bolatampar staf KUKUM telah muncul juara dengan menewaskan pasukan dari Yan 3-0 dalam perlawanan akhir. Kejohanan yang berlangsung di Taman Sri Changlun dan Kolej Matrikulasi Changlun pada 29 April hingga 1 Mei 2004 itu telah disertai oleh 10 pasukan dari sekitar negeri Kedah dan Perlis. Kejohanan yang diadakan setiap tahun tersebut adalah penyertaan sulung pasukan bolatampar KUKUM.

## TEMPAT KETIGA FESTIVAL NASYID IPTA

Kumpulan Handasar dari KUKUM yang mendendangkan lagu 'Epilog Kehidupan' dan 'Keagungan' telah muncul sebagai pemenang tempat ketiga dalam pertandingan Nasyid IPTA Peringkat Kebangsaan yang telah berlangsung pada 16 September 2004 lalu yang telah berlangsung di Dewan Warisan, Kangar, Perlis. Pertandingan yang dianjurkan oleh KUKUM buat julung kalinya itu telah menyaksikan penyertaan enam buah IPTA dari seluruh negara dan ia merupakan sebahagian dari aktiviti Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat KUKUM 2004.

## SISWA KUKUM WAKIL BOLASEPAK UNIVERSITI MALAYSIA

Mohd Zulfadli bin Mustafa, Pelajar Tahun 3 dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah terpilih mewakili pasukan bolasepak Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) ke pertandingan Sukan Antara Universiti ASEAN yang telah berlangsung di Surabaya, Indonesia pada tahun lepas. Pemilihan beliau ke pertandingan tersebut jelas menunjukkan KUKUM tidak pernah ketandusan pelajar yang berbakat di dalam bidang sukan.





# MoU dan R&D

Terdapat sebanyak 25 Memorandum Persefahaman (MoU) telah dijalankan oleh pihak KUKUM dengan pihak industri dan juga Pusat Pengajian Tinggi dalam negara dan juga luar negara sehingga Mei 2005.

## Objektif

- memperluaskan hubungan dengan industri dalam Negara
- memperluaskan hubungan kerjasama dengan pusat pengajian tinggi dalam Negara dan juga Luar Negara
- mempertingkatkan aktiviti KUKUM dengan industri
- memperkukuhkan kerjasama dengan industri
- membantu memperkembangkan SMI di Malaysia

Kerjasama menyeluruh tentang aktiviti bersama yang sesuai melibatkan aktiviti akademik seperti penempatan pelajar, pertukaran kakitangan untuk jangka waktu tertentu, dan penyertaan dalam kuliah. Aktiviti penyelidikan melibatkan projek tahun akhir, Projek Penyelidikan Siswazah, Projek Penyelidikan dan Program Pertukaran Budaya. Tanggungjawab setiap organisasi adalah seperti di jeniskan dalam MoU dan aktiviti spesifik mungkin akan di tentukan dalam bentuk MoA yang spesifik.



# MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

Antara Industri dan Pusat Pengajian Tinggi Dalam Negara dan Luar Negara yang terlibat:

- 1) SILTERRA MALAYSIA SDN. BHD.  
(Co. No:368948-D)  
2hb Jun 2003
- 2) ALTERA CORPORATION (M) SDN. BHD.  
(Co. No:332384-V)  
2hb Jun 2003
- 3) CEMENT INDUSTRIES OF MALAYSIA BERHAD  
(Co.No:11986-T)  
2hb Jun 2003
- 4) ASIAN COMPOSITES MANUFACTURING  
(ACM)(Co.No:411595-X)  
2hb Jun 2003
- 5) MOTOSIKAL DAN ENJIN NASIONAL  
SDN. BHD. (MODENAS) (Co.No:35461-V)  
2hb Jun 2003
- 6) METRALINE SDN. BHD.  
(Co.No:470051-W)  
2hb Jun 2003
- 7) CELCOM (MALAYSIA) BERHAD  
(Co.No:167469-A)  
2hb Jun 2003
- 8) KULIM TECHNOLOGY PARK CORPORATION  
BERHAD (Co.No:44351-D)  
2hb Jun 2003
- 9) VOLTAMPERE (MALAYSIA)  
SDN. BHD.(Co.No:538633-V)  
&  
HYGEN POWER SA (PTY) LTD (Afrika Selatan)  
2hb Jun 2003
- 10) TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)  
(Co.No:200866-W)  
2hb Jun 2003
- 11) NAJWA MAJU SDN. BHD.(Co.No:282932-P)  
2hb Jun 2003
- 12) SCG INDUSTRIES MALAYSIA SDN.BHD.  
(ON SEMICONDUCTOR) (Co.No:48430-K)  
2hb Jun 2003
- 13) ARTIFICIAL ROBOTICS LABORATORY -  
OITA UNIVERSITY (Jepun)  
2hb Jun 2003
- 14) SUN MICROSYSTEMS MALAYSIA  
SDN. BHD.(Co.No:458983-W)  
2hb Jun 2003
- 15) TEKNOLOGI TENAGA PERLIS CONSORTIUM  
SDN. BHD (Co.No:393788-H)  
2hb Jun 2003
- 16) ASTRONAUTIC TECHNOLOGY (MALAYSIA)  
SDN. BHD. (Co.No:369485-A)  
2hb Jun 2003
- 17) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
(melalui UNIT BIRO INOVASI & PERUNDINGAN)  
2hb Jun 2003
- 18) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2hb Jun 2003
- 19) PERLIS ESSENTIAL OIL  
SDN BHD.(Co.No:152027-K)  
21hb Mei 2004
- 20) PERMINTEX RESEARCH & DEVELOPMENT  
SDN.BHD.(Co.No:628842-W)  
21hb Mei 2004
- 21) YOKOGAWA KONTROL (MALAYSIA)  
SDN.BHD .(Co.No:181082-P)  
21hb Mei 2004
- 22) UNIVERSITAS SUMATERA UTARA(USU)  
(Indonesia)  
5hb Januari 2005
- 23) COVENTRY UNIVERSITY HIGHER EDUCATION  
CORPORATION (United Kingdom)  
31hb Mac 2005
- 24) MAIN CAMP CORPORATION (Australia)  
10hb Mei 2005
- 25) PERTUBUHAN PELADANG NEGERI (PPN) PERLIS  
10hb Mei 2005

# GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK 2003

NAMA PEMOHON	PUSAT PENGAJIAN/ JABATAN / UNIT	TAJUK	TEMPOH
Profesor Madya Puteh Saad	Komputer dan Perhubungan	The Development of Neural Network Learning to Forecast Crop Yield and Recognition of 2-D Images	1 TAHUN
Prof. Madya Dr. Leha @ Zaleha Muhamat	Unit Agama Islam	Kecemerlangan Pelajar Kejuruteraan KUKUM: Satu Usaha Mencari Kaedahnya Menurut perspektif Islam	1 TAHUN
Prof. Madya Dr. Mohd Rizon Mohamed Juhari	Komputer dan Perhubungan	Automatic Face Recognition System Based on Iris Detection	1 TAHUN
Abu Hassan Abdullah	Mekatronik	Rescue Robot	1 TAHUN
Khairul Nizar Ismail	Bahan	Kajian Mikrostruktur Kliniker Semasa Pengeluaran Simen	1 TAHUN
Prof. Madya Dr. Shamsul Baharin Jamaludin	Bahan	Preliminary Investigation of Processing Cobalt Alloys Reinforced with Ceramic Particles for Improved Surgical Implant by Powder Metallurgy Technique	1 TAHUN
Zol Bahri Razali	Mekatronik	Pembangunan Software dan Sistem Mesin Pengamatan untuk Pemeriksaan Automatic bagi Mengawal Pembungkusan Semikonduktor	1 TAHUN
Rosli Omar	Komputer dan Perhubungan	Menganalisa dan Merekabentuk Antena Trijalur Aktif	1 TAHUN
Sazalinsyah Razali	Komputer dan Perhubungan	Using Genetic Algorithms to Build Optimal Artificial Neural Networks	1 TAHUN
Mazlee Mohd Noor	Bahan	Production of Aluminium Composite from Recycled Automative Component	1 TAHUN
Che Mohd Ruzaidi Ghazali	Bahan	Kajian Awal terhadap Penghasilan Kayu Terlarut - resap Termoplastik	1 TAHUN
Phaklen Ehkan	Komputer dan Perhubungan	Optical Character Recognition (OCR) by using LabVIEW Software	1 TAHUN
Nursalasawati Rusli	Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan	Development of Feature Extraction Techniques based on Geometric Invariant Theorem and Zernike Moment Theorem for Handwritten Digit/Alphabet and Monochrome Image Recognition	1 TAHUN
Prof. Madya Dr. Uda Hashim	Mikroelektronik	Fabrication and Characterization of in-house PMOS and NMOS Transistor Using Spin on DOPANT Technique	1 TAHUN
Prof.Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal	Mikroelektronik	Design and Construction of The Teaching Fab for Microelectronics Undergraduate Program in The school of Microelectronics Engineering : Project Management Perspective	1 TAHUN

## GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK 2004

NAMA PEMOHON	TAJUK
Prof. Dr. Kamarudin Hussin	Kajian Pencirian Batu Reput di Negeri Perlis dan Potensi Kegunaannya
Azman Muhamad Yusof @Kamarudin	Development Of A Microprocessor Core Unit
Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid	Design and Setup Of A Teaching Factory For Manufacturing Engineering Program
Mohd Irfan Mohamed Dzahir	Preparation and Characterization of Activated Carbon Produced From Sugar cane Bagasse
Muhammad Asri Idris	Skutterudite Structure and thermoelectric property in $MyFe_{4-x}Co_xSb_{12}$ (M= lanthanoid metal)
Razli Ahmad	Persepsi Pelajar Terhadap Kualiti Perkhidmatan: Kajian di Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia
Prof. Madya Dr. Mohd Rizon Mohamed Juhari	A Design of An Autonomous COCO-ZARU Robot Climbing Coconut Tree with Artificial Brain
Prof. Madya Dr. Lawrence H. T. Chang	Estimation of First and Second Order Partial Derivatives at 3-Dimension Scattered Data Points
Mohamad Nazri Abdul Halif	Study of Interfaces Problem Between Ferroelectric and Silicon by Investigating its Linear and Nonlinear Far-infrared optical Responses in Thin Film for Future Devices Applications.
Atikah Haji Awang@ Haji Mohd Ramli	Designing and Fabricating A Paintball Marker
Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff	Electronic Odour Sensor
En. Mohd Mizan Mohammad Aslam	Kajian Kesan Kehadiran KUKUM di Perlis: Analisa Dari Aspek Peningkatan Ekonomi
Muhammad Shahr Jusoh	E-Commerce Security Implementation : A Study of Northern Region Electronic Based Industries

## GERAN PENYELIDIKAN IRPA 2004

Prof. Madya Dr. Uda Hashim	Design And Process Development For Single-Electron Transistors (SETs) Fabrication
Prof. Dr. Mohd Noor Ahmad	Development Of Biosensor Technology For Detecting Specific Contaminants In Environment And Agriculture

# MENYELUSURI 3 TAHUN KUKUM



## PENDAFTARAN KEMASUKAN KUMPULAN PELAJAR SULONG KUKUM - 22 JUN 2002

KUKUM telah menerima seramai 116 orang pelajar sulungnya pada 22 Jun 2002. Sesi pendaftaran telah diadakan di Kampus Kubang Gajah, Arau, Perlis. Pelajar-pelajar tersebut telah mengikuti 2 Program Ijazah Pertama iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik dan Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer & Perhubungan dan mereka ini telah ditempatkan di Kolej Kediaman A, Bintang, Perlis.

## JAMUAN MAKAN MALAM SEMPENA PEMBUKAAN KUKUM - 28 JUN 2002


Jamuan Makan Malam Sempena Pembukaan KUKUM ini telah diadakan di Kayangan Ballroom, Hotel Putra Palace.

Antara tetamu kehormat yang hadir pada malam tersebut ialah YAB Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis. Jamuan ini bertujuan meraikan kakitangan awal KUKUM dan juga sebagai tanda penghargaan kepada Kerajaan Negeri Perlis.



## LAWATAN PERTAMA Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA - 12 OGOS 2002

YB Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia telah mengadakan lawatan kerjanya yang pertama ke KUKUM pada hari tersebut. Pada lawatan tersebut beliau telah menyampaikan ucapan dan amanat kepada kakitangan dan pelajar KUKUM. YB Tan Sri juga mengambil kesempatan untuk melawat pejabat-pejabat pentadbiran, makmal-makmal dan juga asrama yang terdapat di KUKUM pada masa itu.



# MENYELUSURI



## KUKUM JOHAN PERTANDINGAN KAWAD HARI KEBANGSAAN - 31 OGOS 2002

KUKUM telah mencatat sejarah apabila muncul sebagai johan Pertandingan Kawad Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Perlis 2002 dalam penyertaan sulungnya. Walaupun baru 4 bulan beroperasi, namun semangat yang ditunjukkan oleh kakitangan KUKUM telah membuahkan hasil. Pasukan Kawad ini telah berjaya membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1,000 yang disampaikan oleh DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis.

## MAJLIS PERASMIAN KAMPUS KUBANG GAJAH - 17 SEPTEMBER 2002

Majlis Perasmian Kampus Kubang Gajah, KUKUM telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis. Dianggarkan seramai 1,000 orang tetamu telah hadir pada majlis tersebut yang terdiri daripada pemimpin masyarakat, ketua-ketua jabatan Perlis dan penduduk setempat. Antara tetamu kehormat lain yang hadir ialah YB Dato' Azmi Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan juga YB Dato' Abdul Aziz Saad, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis.



## MALAM MESRA RAKYAT KUKUM 2002 - 24 SEPTEMBER 2002

Malam Mesra Rakyat KUKUM ini telah diadakan bersempena dengan Perasmian Kampus Kubang Gajah. Ia bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara KUKUM dan masyarakat di negeri Perlis. Selain dari itu, ia juga untuk memperkenalkan KUKUM kepada pihak luar. Antara artis yang dijemput bagi menjayakan Malam Mesra Rakyat KUKUM tersebut ialah Yassin dan kumpulan Indigo.



# MENYELUSURI



## LAWATAN KERJA DYMM TUANKU PEMANGKU RAJA PERLIS KE KUKUM - 25 OKTOBER 2002

DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan DYTM Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah telah berkenan mengadakan lawatan kerja di-Raja ke Kampus KUKUM. Baginda berdua diiringi oleh Rektor dan Pegawai Utama KUKUM melawat sekitar kampus dan juga mendengar taklimat pembangunan KUKUM di Bilik Mesyuarat Canselor, Bangunan KWSP.

## SAMBUTAN AIDILFITRI KUKUM 2002 - 23 DISEMBER 2002

Sambutan Aidilfitri KUKUM 2002 ini telah diadakan di Kolej Kediaman A, Taman Aman, Bintong. Perasmiannya telah disempurnakan oleh YB Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis yang mewakili YAB Menteri Besar Perlis. Dianggarkan seramai 2,000 orang tetamu telah hadir bagi memeriahkan majlis tersebut.



## FORUM INDUSTRI KUKUM 2003 - 25 FEBRUARI 2003

Forum ini telah diadakan di Kulim Hi-Tech Park, Kedah Darulaman. Ia adalah anjuran Pusat Kerjasama Industri KUKUM dan bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan antara pihak KUKUM dengan pihak industri yang banyak terdapat di kawasan Kulim Hi-Tech Park ini.

# MENYELUSURI



## KURSUS ASAS KEBOMBAAN - 27 FEBRUARI 2003

Kursus yang melibatkan seramai 50 kakitangan KUKUM ini telah diadakan di Balai Bomba Arau. Kursus ini adalah anjuran Jabatan Keselamatan KUKUM dengan kerjasama Jabatan Bomba Negeri Perlis. Ia bertujuan meningkatkan pengetahuan asas kakitangan KUKUM mengenai aspek kebombaian dan menyelamatkan semasa kebakaran.

## MALAM ASPIRASI BAKAT DAN SENI KEBUDAYAAN KUKUM 2003 - 19 MAC 2003

Majlis penuh warna-warni ini dilangsungkan di Auditorium Taman Budaya Negeri Perlis. Pelbagai acara menarik telah diadakan pada malam tersebut, antaranya pertandingan akhir nyanyian karaoke, tarian seni kebudayaan, persembahan kugiran dan lawak jenaka serta cabutan bertuah. Malam Aspirasi Bakat dan Seni Kebudayaan ini diadakan bagi mencungkil dan mengenengahkan bakat dikalangan kakitangan KUKUM.



PALSA - 2003  
MASA : 9.00 PAGI  
TEMPAT : AUDITORIUM TAMAN BUDAYA PERLIS  
" BERSAMA MEMBANGUNKAN SEBUAH UNIVERSITI "  
KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA

## MAJLIS UCAPTAMA TAHUNAN REKTOR KUKUM 2003 - 20 MAC 2003

Majlis Ucaptama Tahunan Rektor KUKUM ini telah diadakan di Auditorium Taman Budaya Negeri Perlis. Majlis Ucaptama ini merupakan acara tahunan siri ucapan Rektor bagi menyampaikan sasaran, matlamat dan perancangan KUKUM bagi tahun tersebut. Majlis yang buat julung kalinya diadakan ini telah dihadiri oleh semua warga KUKUM.



# MENYELUSURI



## MESYUARAT PERTAMA LPU KUKUM - 17 APRIL 2003

Mesyuarat pertama Lembaga Pengarah KUKUM telah diadakan di Bilik Mesyuarat Canselori, Bangunan KWSP dan telah dihadiri oleh seramai 9 orang Ahli Lembaga Pengarah KUKUM. Pengerusi LPU KUKUM, Y Bhg Dato' Ramli Abbas telah mempengerusikan mesyuarat ini.

## PROGRAM MENJANA JURUTERA MASA DEPAN 2-5 MEI 2003

Program ini melibatkan seramai 102 orang pelajar aliran sains dari sekolah-sekolah di negeri Perlis. Program ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada pelajar terbabit mengenai kepentingan bidang kejuruteraan dan juga memperkenalkan konsep 'lab intensive' yang diamalkan di KUKUM.



## GOTONG-ROYONG MEGA DI KUALA PERLIS - 8 MEI 2003

Program Gotong-royong Mega di Kuala Perlis ini telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Perlis. Ia melibatkan hampir keseluruhan kakitangan dan pelajar KUKUM serta penduduk sekitar Kuala Perlis.



# MENYELUSURI



## MAJLIS PELANCARAN KOLEJ KEDIAMAN B & C - 29 MEI 2003

Majlis Pelancaran Kolej Kediaman B & C ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis. Kolej Kediaman B & C ini terletak di Kampung Wai, Kuala Perlis dan mempunyai sebanyak 1,000 buah rumah. Hampir 500 orang jemputan telah menghadiri majlis tersebut.

## PROGRAM SEMALAM DI PERLIS - 31 MEI 2003

Program Semalam di Perlis telah diadakan di Kolej Kediaman B & C bersempena dengan pendaftaran pelajar-pelajar baru sesi 2003/04 KUKUM. Program ini telah dihadiri oleh kira-kira seramai 2,500 ibubapa dan juga pelajar baru. Di samping dapat mendekatkan keluarga pelajar dengan pihak KUKUM, program ini diadakan bagi membantu Kempen Tahun Melawat Perlis 2003-2005 anjuran Kerajaan Negeri Perlis.



## PROGRAM "BERSAMA TOKOH" - 1 JUN 2003

Program ini diadakan bagi menyuntik semangat para pelajar dalam meneruskan perjuangan mereka di KUKUM. Tokoh yang telah dijemput pada program tersebut adalah YAB Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis. Banyak nasihat dan saranan yang berguna telah disampaikan oleh beliau yang berkisar mengenai "Mahasiswa Berkualiti Untuk Masa Depan Negara".

# MENYELUSURI



## UPACARA PECAH TANAH KAMPUS TETAP KUKUM - 2 JUN 2003

Upacara Pecah Tanah Kampus KUKUM telah diadakan di tapak kampus tetapnya di Ulu Pauh dan perasmianya pula telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri pada masa itu. Ia merupakan upacara simbolik kepada bermulanya pembinaan sebuah menara gading yang menjadi impian semua terutamanya rakyat negeri Perlis.

## MALAM KEBUDAYAAN KUKUM 2003 - 2 JUN 2003

Malam Kebudayaan KUKUM 2003 ini telah diadakan bersempena dengan Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap KUKUM dan juga sambutan setahun Penubuhan KUKUM. Ianya telah diadakan di tapak Kampus tetap KUKUM, Ulu Pauh dan telah dihadiri oleh seramai 15,000 orang penonton untuk menyaksikan pelbagai persembahan kebudayaan serta nyanyian artis tempatan dan popular.



## FORUM PERDANA EHWAL ISLAM KUKUM 2003 - 3 JUN 2003

Forum Perdana Ehwal Islam yang bertajuk "Kaedah dan Realiti Mencemerlangkan Mahasiswa" ini telah diadakan di perkarangan tempat letak kereta Kampus Kubang Gajah. Ia telah dipengerusikan oleh Saudara Nadzman Mustafa, Penolong Setiausaha Sulit kepada YAB Menteri Besar Kedah dan ahli-ahli panelnya terdiri daripada Y.Bhg. Dato' Alim Panglima Hj. Mat Jahaya Hussin, Mufti Kerajaan Negeri Perlis, Y.Bhg. Datuk Mustafa Taib, Panel Pemikiran Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia dan Y. Berusaha Prof. Madya Dr. Ahmad Faiz Abd. Hamid, Dekan Sekolah Pembangunan Sosial UUM.

# MENYELUSURI



## MALAM MESRA BERSAMA MEDIA KUKUM 2003 - 20 JUN 2003

Malam Mesra Bersama Media KUKUM 2003 ini diadakan bagi meraikan para wartawan dan kakitangan media di Perlis. Majlis makan malam yang berlangsung dalam suasana meriah ini telah diadakan di Hotel Putra Palace, Kangar. Ia sebagai tanda terima kasih kepada penglibatan pihak media khususnya dalam membuat liputan mengenai perkembangan KUKUM yang baru setahun ditubuhkan ini.

## PELANCARAN HARI RIADAH & REKREASI STAF KUKUM - 26 JUN 2003

Pelancaran Hari Riadah & Rekreasi Staf KUKUM ini telah diadakan di Perkarangan Pusat Pengajian Kampus Kubang Gajah dan telah disempurnakan perasmianya oleh Rektor KUKUM, Profesor Dr. Kamarudin Hussin.

Program seumpama ini bukan sahaja dapat meningkatkan tahap kecergasan staf KUKUM malah mampu mempererat lagi hubungan silaturrahim antara mereka.



## SEMINAR PENAMPILAN WANITA DALAM ERA GLOBALISASI - 26 JULAI 2003

Seminar ini telah diadakan di DK 200, Kampus Kubang Gajah anjuran Badan Kebajikan Isteri-isteri Staf KUKUM dengan kerjasama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia. Pada seminar ini Prof. Madya Dr. Hjh. Marican, Pensyarah Sekolah Pembangunan Sosial telah dijemput untuk menyampaikan ceramah.

# MENYELUSURI




## KUNJUNGAN MENGADAP KE BAWAH SPB YANG DIPERTUAN AGONG - 1 OGOS 2003

Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail telah berkenan menerima kunjungan mengadap oleh Pegawai-pegawai Utama dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah KUKUM di Istana Negara. Kunjungan mengadap selama 45 minit ini telah diketuai oleh Y.Bhg. Dato' Ramli Abbas, Pengerusi Lembaga Pengarah KUKUM.

## PELANCARAN PROGRAM KIBAR JALUR GEMILANG KUKUM 2003 - 15 OGOS 2003

Pelancaran program ini diadakan di Kampus Kubang Gajah dan dihadiri oleh semua warga KUKUM. Ia merupakan permulaan aktiviti Sambutan Bulan Kemerdekaan bagi tahun tersebut. Dalam program ini sebanyak 3,000 Jalur Gemilang pelbagai saiz telah dikibarkan di semua lokasi dan premis di sekitar kampus.



## PROGRAM MALAM SERIBU BINTANG - 15 OGOS 2003

Program Malam Seribu Bintang ini telah diadakan di Kolej Kediaman B & C, Kampung Wai, Kuala Perlis. Program yang diadakan bagi mencungkil bakat-bakat seni di kalangan pelajar KUKUM ini adalah anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Kolej Kediaman KUKUM.

# MENYELUSURI



## PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT - 22 OGOS 2003

Program ini diadakan bersempena dengan Pelancaran Kelab PEMADAM KUKUM dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Hj. Zainal Abidin Zain, Timbalan Menteri Dalam Negeri. Ia diadakan di Kampus Kubang Gajah dan telah dihadiri oleh seramai 1,000 tetamu.

## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KUKUM 2002 - 2 SEPTEMBER 2003

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KUKUM yang buat julung kalinya diadakan ini telah diadakan di Kompleks Dewan Warisan Kangar, Perlis. Majlis ini telah diserikan lagi dengan keberangkatan DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis dan DYT Raja Puan Muda Perlis yang telah berkenan mencemar Duli berangkat ke majlis tersebut. Pada majlis yang penuh gilang-gemilang ini, seramai 83 orang kakitangan dan pelajar KUKUM telah menerima anugerah.



## SIMPOSIUM NSM 2003 - 9 SEPTEMBER 2003

Simposium Mikroelektronik Peringkat Kebangsaan (NSM) 2003 ini adalah anjuran IEEE dengan kerjasama Institut Kejuruteraan Mikro dan Elektroniknano (IMEN), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta KUKUM dan diorganisasikan oleh SilTerra Malaysia Sdn. Bhd. Program ini telah diadakan di Hotel Putra Palace dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Yazid Mat yang mewakili YAB Dato' Shahidan Kasim, Menteri Besar Perlis.

# MENYELUSURI



## UPACARA PENUTUP SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KUKUM 2003 - 15 SEPTEMBER 2003

Upacara Penutup Sambutan Bulan Kemerdekaan ini telah dilangsungkan di Kampung Kubang Gajah. Ia telah dihadiri oleh semua warga KUKUM dan juga penduduk setempat. Perasmian penutup majlis ini telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Rektor KUKUM sendiri.

## MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PERLANTIKAN MPP KUKUM - 22 SEPTEMBER 2003

Penyampaian watikah perlantikan kepada MPP KUKUM bagi sesi 2003/2004 ini telah diadakan dalam satu majlis makan malam yang dilangsungkan di Hotel Holiday Villa, Alor Star. Dalam majlis ini, dapat disaksikan upacara penyerahan tugas dari Presiden MPP lama kepada Presiden MPP yang baru bagi sesi 2003/2004.



## KOLOKIUUM PEMADAM IPT 2003 - 18-20 OKTOBER 2003

Kolokium yang terbesar di peringkat IPT ini telah diadakan selama 3 hari di Dewan Wawasan, Jitra, Kedah. Ia adalah anjuran bersama Kementerian Pendidikan Malaysia, PEMADAM Kebangsaan serta KUKUM. Majlis perasmianya telah diadakan pada 19 Oktober yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Kolokium ini melibatkan penyertaan seramai 5,000 pelajar IPTA/S dari seluruh Malaysia.



# MENYELUSURI



## MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PERLANTIKAN CANSELOR KUKUM- 4 NOVEMBER 2003

DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis telah dilantik sebagai Canselor pertama KUKUM setelah mendapat perkenan SBP Yang Di Pertuan Agong. Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan Canselor ini telah diadakan di Istana Arau dan turut disaksikan oleh DYT M Raja Puan Muda Perlis serta tetamu-tetamu kehormat yang lain.

## BENKEL KEPIMPINAN MPP - 11-12 NOVEMBER 2003

Bengkel Kepimpinan MPP KUKUM ini telah diadakan di Hotel Cititel, Mid Valley, Kuala Lumpur dengan tujuan untuk melahirkan pelapis pemimpin masa depan. Bengkel ini adalah anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar KUKUM. Ia telah disertai oleh seramai 40 orang pelajar dan juga Pegawai Hal Ehwal Pelajar KUKUM.



## MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA TUANKU CANSELOR KUKUM - 18 NOVEMBER 2003

Sempena Sambutan Bulan Ramadan 1424 Hijri telah diadakan Majlis Berbuka Puasa Bersama Canselor KUKUM di Kampus Kubang Gajah merupakan majlis pertama DYMM Pemangku Raja Perlis bersama KUKUM setelah dilantik sebagai



# MENYELUSURI



## **AIDILFITRI BERSAMA KUKUM 2003 - 21 DISEMBER 2003**

Program Aidilfitri Bersama KUKUM ini telah diadakan dengan penuh meriah di Kampus Kubang Gajah. Ia telah dirasmikan oleh YB Dato' Hj. Abu Bakar Ismail, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis yang mewakili YAB Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis. Seramai 3,000 tetamu yang terdiri daripada masyarakat luar dan warga KUKUM telah hadir ke program tersebut.

## **HARI KELUARGA KUKUM 2003 - 28 DISEMBER 2003**

Hari Keluarga KUKUM yang buat pertama kalinya diadakan ini telah berlangsung di Tasik Melati, Perlis. Perasmianya telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis. Pelbagai aktiviti telah diadakan pada hari tersebut bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara keluarga KUKUM.



## **PROGRAM JATIDIRI KOLEJ MATRIKULASI PERLIS - 9-11 JANUARI 2004**

Program selama 3 hari ini adalah anjuran bersama Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Kementerian Belia dan Sukan, Kolej Matrikulasi Perlis dan juga KUKUM. Ianya melibatkan peserta seramai 1,350 orang pelajar dan 70 fasilitator. Program ini diadakan bagi memupuk budaya cemerlang dan semangat patriotisme di kalangan para peserta.

# MENYELUSURI



## BANTUAN MANGSA KEBAKARAN KUALA PERLIS - 16 JANUARI 2004

KUKUM telah mengambil inisiatif untuk membantu meringankan beban serta penderitaan mangsa-mangsa kebakaran di Kuala Perlis dengan mengadakan satu kutipan derma kilat di kalangan warga KUKUM. Sebanyak RM 10,017.00 dan 200 buah kotak pakaian telah berjaya dikumpul dalam kempen ini.

## PEMAKAIAN PANGKAT KEPADA REKTOR KUKUM - 22 JANUARI 2004

DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis telah mencemar Duli dan berkenan untuk menyempurnakan pemakaian pangkat Leftenan Kolonel kepada Y. Bhg. Rektor KUKUM. Istiadat ringkas ini telah diadakan di Bilik DiRaja Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, Alor Star, Kedah. Kini, Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin merupakan Pegawai Memerintah Batalion 1, Rejimen 504, Askar Wataniah.



## SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2004 - 29 JANUARI 2004

Sambutan Tahun Baru Cina 2004 adalah diadakan bersama Majlis Penghuni Kolej Kediaman dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar KUKUM. Ia telah disempurnakan oleh YB Puan Othman di Dewan Kolej Kediaman dan Perasmian diadakan di Indera Kayangan.

# MENYELUSURI



## MAJLIS IBADAH KORBAN KUKUM 1424 HIJRAH -2 FEBRUARI 2004

Majlis ini telah diadakan di Kampus Kubang Gajah pada Hari Raya Korban kedua 1424 Hijrah. Sebanyak 2 ekor lembu dan seekor kambing telah dikorbankan pada majlis tersebut.

## HARI TERBUKA KUKUM 2004 - 6-8 FEBRUARI 2004

Hari Terbuka KUKUM ini adalah anjuran MPP KUKUM dengan kerjasama Kolej Kediaman dan juga Jabatan HEP KUKUM. Ia telah diadakan di perkarangan padang letak kereta Kolej Kediaman B & C, Kampung Wai, Kuala Perlis.



## MAJLIS UCAPTAMA TAHUNAN REKTOR KUKUM 2004 - 10 FEBRUARI 2004

Majlis Ucap-tama Tahunan Rektor KUKUM 2004 ini telah diadakan di Kompleks Dewan Warisan, Kangar dan telah dihadiri oleh semua kakitangan KUKUM. Tema Ucap-tama bagi tahun ini ialah 'Terus Mengemudi Tenaga dan Upaya'. Pada majlis yang sama turut diadakan pelancaran logo KUKUM.

# MENYELUSURI


